

BAB LIMA

ORGANISASI DAN PEMARKAHAN

5.1 ORGANISASI DAN PENGANJUR

Struktur organisasi penganjur FTK, merupakan satu program budaya sebagai aktiviti kesenian yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan (KKKP) Malaysia (sila rujuk carta 5-01). Berakhirnya zaman milenium kedua ini, realitinya dalam budaya telah menunjukkan bahawa seni persembahan tari mengikut program FTK tersebut telah berlangsung selama sepuluh tahun (1992-2001). Tetapi mengikut sejarah tari tempatan, penyelenggaraan organisasi festival seumpama FTK telah dikesan pada awalnya bermula pada tahun 1967, iaitu anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS). Pada waktu itu, organisasi penyelenggaraan festival ini pula telah diadakan untuk seluruh negara Malaysia. Meskipun demikian data tentang anjuran organisasi yang lebih baik dapat dikesan pada tahun 1974, 1975 dan 1976. Namun sebaliknya kesan pada 1967, lebih awal lagi, telah ditemui suatu program yang sama dengan festival itu dan ia dikenali sebagai peraduan¹ tarian. Organisasi tersebut berlangsung hingga tahun 1976 mengikut data yang diperolehi setakat ini.

Istilah ‘peraduan tarian’ dalam kajian ini menunjukkan bahawa sebutan itu sama erti apabila menyebut dengan penamaan bagi pertandingan tarian. Penggunaan sebutan peraduan tarian ini buat pertama kalinya didapati adalah dalam “Laporan Peraduan Tarian” tahun 1975 yang diperkatakan oleh Tengku Abu Bakar Husny, dan

beliau pada masa itu adalah menjadi ketua panel hakim tarian.² Seterusnya pada 1968 pihak kerajaan pula telah mula menganjurkan satu persempahan program bersama, iaitu dalam "Pertandingan Drama dan Tari" yang ditaja di bawah tadbiran KKBS. Pada mana ketika itu program pementasan bersama ini adalah dapat mempersempahkan pertandingan drama yang digabung bersama-sama pula waktunya dengan pertandingan tarian.

Pada tahun 1975 organisasi dan pengajur pertandingan tari tersebut sudah masuk kepada peringkat tahun ke ketujuh untuk seluruh negara³ sehingga maklumat terakhir didapati pada tahun 1976. Tetapi, meskipun demikian data maklumat lain menunjukkan pada tanggal tigabelas hingga enambelas Julai tahun 1956, telah terjadi satu perayaan besar iaitu Pesta Budaya di Kuala Lumpur.⁴ Dalam Pesta Budaya ini sebuah tarian payang yang bercorak tradisional dari negeri Kelantan telah berjaya dipersembahkan waktu itu.⁵ Jikalau perayaan Pesta Budaya itu sebagai aktiviti bidang kebudayaan, maka keadaan ini dapat dijadikan suatu alat pemersatu kebangsaan, dan persempahan yang sama ini terbukti dengan organisasi menerusi program FTK. Antara matlamat FTK bagi pertumbuhan budaya adalah berasaskan hasrat memantapkan lagi kumpulan kesenian diperingkat negeri-negeri, ia selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang kesenian. Di samping melalui pesta itu dan program FTK menjadikan kesenian sebagai suatu pengisian kepada industri pelancongan yang semakin pesat dan berkembang maju.

Walau Pesta Budaya ini telah dibuktikan dengan satu rombongan dari negeri Kelantan; seramai tujuhpuluh orang ahli lelaki menyertai perayaan berkenaan.⁶ Oleh penyelenggaraan Pesta Budaya tersebut tentunya dapat dikatakan sebagai organisasi

festival tari untuk julung kalinya menjelang kemerdekaan negara Malaysia. Tidak dinafikan apabila masing-masing negeri mengirim wakil dengan jumlah lebih kurang tujuhpuluhan orang itu, maka jumlah perangkaan ini bila dikalikan dengan empatbelas negeri yang terdapat di Malaysia, dan setiap negeri mengutus wakil penyertaan seramai tujuhpuluhan orang pula. Ini bermakna terdapat seramai sembilanratus lapanpuluhan orang ahli seni tari turut bergiat dalam menyelenggarakan Pesta Budaya tersebut.⁷

Oleh yang demikian, maklumat organisasi pengajur yang digambarkan di atas, sepertinya bersuasanakan sejarah dan persembahannya pula lebih lengkap dapat dikesan melalui pertandingan tarian di peringkat kebangsaan. Di Malaysia, polisi kebudayaan nasional telah diumumkan secara rasmi; di mana budaya pribumi akan digunakan sebagai batu asas untuk pembentukan kebudayaan nasional. Sedangkan budaya-budaya lain akan diintegrasikan untuk memperkaya lagi kebudayaan nasional tersebut. Walau garis panduan dari kerajaan adalah bertujuan untuk mencipta satu kebudayaan nasional, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa dalam proses ini, kebudayaan Cina dan India telah diketepikan.⁸ Hal ini dapat dibandingkan, seperti apa yang diperkatakan dan ditulis oleh *Minister of Culture, Youth and Sports* (Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan) Malaysia masa itu seperti berikut:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Pertandingan Drama dan Tarian sejak tahun 1968. Pada tahun 1974 ini, bermakna telah masuk tahun yang keenam Pertandingan tersebut kepada masyarakat seamnya.

Dari setahun ke setahun didapati sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan, dan mutu persembahan pula bertambah baik dan bersesuaian dengan keadaan masa. Kumpulan atau peserta yang mengambil bahagian bertambah ramai bilangannya pada tahun ini termasuk juga peserta yang bukan bumiputra.

Adalah dibanggakan, pada tahun ini kumpulan dari Malaysia Timur telah mencatat sejarah baharu yang mana Kumpulan Tarian dari Sarawak telah berjaya menyandang gelaran Johan Tarian Kebangsaan dan Kumpulan

Drama dari Sabah telah berjaya menyandang gelaran Naib Johan Drama Kebangsaan Tahun 1974.

Adalah diharapkan pada tahun-tahun akan datang, mutu seni drama dan tarian negara ini akan bertambah maju dan begitu juga peserta yang terdiri dari yang bukan bumiputra akan lebih ramai lagi melibatkan diri dalam rancangan ini agar hasrat kerajaan menyatukan rakyat negara ini melalui kebudayaan akan terlaksana.⁹

Meskipun pada tahun 1968 organisasi penyelenggaraan pertandingan tarian sudah bermula, namun 1974 yang lalu diberitakan bahawa peserta yang bukan bumiputra telah ramai menyertai pertandingan. Iaitu mereka bergiat di antara satu ratus sembilan puluh kumpulan yang menyertai pertandingan pada bahagian tarian sahaja.¹⁰ Apabila berbanding dengan dekad 1970-an penyertaan kaum bukan bumiputera masih banyak, tetapi sebaliknya pada masa FTK tahun 1992 hingga 1999 yang mana golongan kaum bukan bumiputra adalah sedikit setiap tahunnya. Mungkin, dijangkakan purata tidak melebihi empat atau lima orang peserta kaum lain (Cina atau India) yang turut mengambil bahagian antara duaratus limapuluh hingga tigaratus¹¹ peserta setiap tahun dalam festival.

Antara tahun 1992-1999 jumlah kumpulan yang menyertai FTK adalah terhad yang hanya diutus satu kumpulan sahaja dari setiap negeri. Data penyertaan menunjukkan bahawa tidak pernah setiap tahun secara keseluruhan mempersempitkan empatbelas koreografi tari asli dan empatbelas tari kreatif sebagai wakil kumpulan mengikut negeri-negeri yang sedia ada di seluruh negara (sila rujuk carta 5-02 dan Lampiran D bagi nama-nama kumpulan). Bagaimanapun setiap tahun ada di antara kumpulan itu pernah menyertakan kumpulan sehingga empat atau enam kali mengikuti FTK di Kuala Lumpur. Tetapi dalam pengamatan memperlihatkan kecuali bagi data tahun 1992, terdapat beberapa antara negeri-negeri itu tidak menyertai

pertandingan pada tahun-tahun tertentu dengan alasan yang tidak dapat dikesan (carta 5-02). Oleh itu organisasi pengajur FTK adalah digiatkan oleh KKKP, dan jawatankuasa ini menunjukkan aktiviti menerusi program KKBS, yang sebelumnya telah dimulakan semenjak tahun 1956, hingga 1976 empat dekad yang lalu.

5.1.1 Senarai Matlamat

FTK merupakan satu program tahunan anjuran KKKP Malaysia dan matlamat organisasi program ini telah dilaksanakan semenjak tahun 1992 lagi. Barangkali program ini merupakan kesinambung daripada program ‘pertandingan tarian’ dan ‘peraduan tarian’ bagi peringkat kebangsaan yang telah dimulakan pada tahun 1967, lebih kurang tiga puluh tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun dalam organisasi tersebut, festival tari sebelumnya dikenali iaitu sebagai ‘persembahan tarian’ seperti berlaku dalam Pesta Kuala Lumpur, pada tahun 1958 sedikit masa dahulu.¹²

Daripada perutusan rasmi menteri *Minister of Culture, Youth and Sports* Malaysia atau (KKBS) pada tahun 1975, dapat dibandingkan dengan maklumat berikut yang dinyatakan ini bagi tujuan program FTK. Matlamat dipilih mengikut penjelasan atas perayaan tari dalam Festival Tari '98, dan kemudian ditambah dengan perutusan FTK 1998 seperti diperkatakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia pada masa itu.

Begitu juga imbauan bagi memperjelas gambaran tentang perkembangan seni tari dan kebudayaan di Malaysia. Ucapan tersebut disampaikan oleh Dato' Sabbaruddin Chik dan oleh Datuk Ismail Adam. Namun tujuan matlamat penyelenggaraan festival tersebut disampaikan oleh Dato' Tengku Alaudin Tengku

Abdul Majid sebagai penyampaian mesej yang tersirat dalam pesan-pesan budaya untuk maklumat kepada seluruh rakyat rantau ini, seperti:

Sabbaruddin Chik: ...mengucapkan Selamat datang kepada semua peserta Tari '98. Acara ini diharap akan dapat memberikan manfaat kepada seniman tari tanahair melalui ruang yang diberikan kepada pencipta dan penggiat tari kontemporari dari dalam dan luar negara.... Pertemuan para koreografer tempatan ... membolehkan percambahan pemikiran berlaku, justeru menjadikan Tari '98 sebagai kayu ukur kreativiti mutakhir di dalam dunia koreografi semasa... juga secara langsung akan mampu meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menarik untuk dikunjungi oleh para pelawat asing khasnya pemaparan kekayaan seni tari yang unik dalam bentuknya yang tersendiri.

Ismail Adam: ...kerana berjaya merealisasikan satu pertemuan penting di antara penggiat tari kontemporari di Malaysia. Pertemuan seniman dan penggiat tari dari dalam dan luar negara akan memberi peluang yang tidak ternilai kepada penggemar dan penonton seni tari kontemporari di negara ini untuk melihat perkembangan di dalam dunia koreografi kini.

Tengku Alaudin: ...Tari '98 merupakan salah satu daripada aktiviti penting anjuran ASK untuk menggalakkan perkembangan seni tari kontemporari di Malaysia. Festival Tari '98 terdiri dari tiga bahagian utama iaitu persembahan utama, persembahan Showcase dan bengkel tari. Persembahan utama adalah persembahan oleh kumpulan dari negara-negara jemputan yang dipilih khas untuk memaparkan perbandingan elemen kontemporari dan tradisional. Sekmen Showcase pula memberi peluang kepada para koreografer untuk mementaskan karya terbaru mereka di kalangan penggiat tari, sementara bengkel tari memberi peluang untuk perbincangan dan diskusi mendalam mengenai karya-karya yang dipentaskan.¹³

Kesan daripada mesej mahupun tujuan matlamat yang diperolehi pada festival tari itu, menjadikan perkara koreografi tari tradisional dan tari kontemporari merupakan pilihan yang tepat untuk diperbincangkan dan dikritik. Juga telah memberi ruang bagi mengukuhkan matlamat program FTK seterusnya. Di samping secara implisitnya tujuan yang lebih utama, adalah melihat hubungan antara persembahan tari dengan program pelancongan itu. Kemudian melirik kepada aspek ekonomi serta komersial budaya di Malaysia.


Keadaan ini bermakna, bahawa tujuan organisasi program FTK itu dapat selari dengan pengisian program pelancongan daripada bahagian kebudayaan dalam pentadbiran KKKP. Hal tersebut dapat disedari pula di mana seni persempahan tari mempunyai beberapa ciri yang boleh dikomoditikan.¹⁴ Oleh itu, matlamat organisasi program ini menjadikan aktiviti-aktiviti tari Melayu ditinjau sebagai penggerak dan percambahan terhadap perkembangan sejarah tari negara ini secara berterusan.

5.1.2 Jawatankuasa Penganjur

Dalam satu organisasi, seperti penyelenggaraan FTK, perlu juga ditumbuh dan disempurnakan. misal sebuah organisasi diperlukan beberapa orang jawatankuasa penganjur atau jawatankuasa pengelola tertentu sebagai penaung, penasihat, pengarah, pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha, penyelaras penilaian, dan ketua penilai.


Kemudian untuk penyelenggara persembahan diperlukan bidang-bidang lain seperti jawantankuasa kerja, jawatankuasa kecil, jawatankuasa persembahan, jawatankuasa keilmuan, jawatankuasa dokumentasi, jawatankuasa kebijakan dan jawatankuasa perasmian, dokumentari, dan publisiti. Ini semua terdapat dalam satu struktur organisasi penyelenggara, seperti yang dicontohkan pada kes FTK tahun 1997.¹⁵

Carta 5-01: Sebuah Contoh Susunan Organisasi Penyelenggaraan FTK Tahun 1997 Dan 2001¹⁶





Ahli Jawatankuasa Pengelola



Dalam hal ini organisasi itu dirancang, hanya bagi kegiatan pementasan seni tari yang sangat besar, seperti berlaku dengan program FTK. Meskipun organisasi seumpama itu dapat dikesan, semenjak diadakan Pesta Budaya tahun 1956, hingga kepada Pesta Perdana tahun 1976. Terakhir dalam rangka kajian ini diteruskan dengan penyelenggaraan Festival tari 1992 hingga 2001 yang lalu. Barangkali jelas bahawa yang membuat rekabentuk tari serta yang berperan sebagai penari adalah jumlah yang

aktif dan lebih banyak, berbanding dengan yang menguruskan pelaksanaan program itu. Di sini tentunya diperlukan juga pengurusan seni yang cekap, sehingga perjalanan sebuah program yang serupa FTK demikian dapat terlaksana mengikut semestinya.

Seterusnya pada kes FTK tahun 1996; satu jawatankuasa kecil meliputi daripada bahagian; persempahan teknikal, seseorang penyelaras produksi, penolong penyelaras produksi, pegawai projek, pengurus panggung, penyelaras teknik, pengurus pentas, penolong pengurus pentas dan pembantu.¹⁷ Tetapi semua jawatankuasa ini dapat melengkapi tatakerja yang berpatutan. Sehinggakan satu organisasi persempahan seni berjalan dengan baik, dan akan lebih teratur, apabila mengikut bidang-bidang tugas yang diberikan dan berlaku hubungan antara masing-masing kerja.¹⁸

Kes FTK tahun 1999, dalam kertas brosur terdapat tambahan jawatankuasa yang diperlukan untuk dinyatakan, sehingga mana-mana bahagian kerja dapat dengan jelas dirujuk untuk kemudahan atas operasional persempahan. Jawatankuasa itu adalah; jawatankuasa kewangan, jawatankuasa penginapan dan makan minum, jawatankuasa teknikal dan persempahan, jawatankuasa jemputan, sambutan dan protokol, jawatankuasa publisiti dan pemasaran.¹⁹ Jawatankuasa yang baru ini, semuanya terdapat pada kes FTK tahun 1999 (tidak pada tahun sebelumnya), untuk tugas-tugas khas yang jelas kedudukan dan fungsinya dalam sebuah organisasi penyelenggaraan kesenian dan kebudayaan dan perkara ini amatlah teratur.

Sebaliknya teks ucapan perutusan dan imbauan yang disarankan pada 1998, dapat diperbandingkan dengan satu berita yang menarik dalam perutusan tahun 1975. Perutusan ini telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sempena

aktiviti kebudayaan pada masa itu;²⁰ iaitu dengan matlamatnya sebagai hasrat kerajaan menyatupadukan rakyat negara ini melalui kegiatan kebudayaan.

Pertandingan drama dan tarian anjuran Kementerian saya, tahun ini telah mendapat sambutan yang baik dari badan-badan kebudayaan dan juga orang ramai. Sebanyak 283 buah kumpulan telah mengambil bahagian dalam bahagian drama dan 190 buah kumpulan pula telah mengambil bahagian dalam bahagian tarian.... Perkembangan yang begini membuktikan bahawa seni drama dan tarian di negara ini sekarang adalah mempunyai masa depan yang baik. Masyarakat telah mulai menganggap kegiatan kesenian itu adalah sebahagian dari cara hidup mereka. Pada tahun akan datang Kementerian saya akan meluaskan lagi bentuk penilaian persembahan drama dan tarian bersesuaian dengan pembangunan negara dari masa ke semasa.²¹

Data yang dapat diperolehi dari peristiwa peraduan tari yang berlaku pada tahun 1975, menunjukkan bahawa sebelum persembahan diadakan pada peringkat akhir, kumpulan itu harus bertanding di tempat asalnya. Kumpulan tersebut terlebih dahulu, di setiap negeri diperkenankan mengadakan persembahan di tempat-tempat lain secara amal,²² bagi menggalakan sambutan masyarakat. Bentuk persembahan barangkali dapat disebutkan sebagai ‘persembahan luaran’. Iaitu persembahan di luar yang diadakan sebelum diikutsertakan ke dalam sebuah festival peringkat kebangsaan, sama ada tari itu turut dipertandingkan, atau hanya sekedar dipentaskan di peringkat negeri sahaja di tahun 1970-an. Oleh yang demikian, persembahan luar merupakan satu fakta yang tidak mungkin terjadi seumpama itu dalam masa dua dekad terakhir ini. Apatah lagi, penyertaan selama pertandingan drama dan tari pada 1975 didapati seramai duaratus tigapuluh lapan kumpulan drama, dan saturatus sembilan puluh kumpulan tari bagi mengambil bahagian pada program yang dianjurkan oleh kementerian ketika itu.²³

Kenyataan ini adalah satu bukti menandakan bahawa pada dekad 1970-an, perhatian masyarakat dan orang-orang muda kepada kebudayaan dan kesenian drama

ataupun tari adalah sungguh memberangsangkan, dan semangatnya penuh dengan kreativiti yang pelbagai. Misal sebuah tari bertajuk ‘kebebasan’ hasil ciptaan kerjasama antara Ali Ishak dengan Norcajadi Jasan adalah sebuah tari kontemporari yang mula-mula sekali diperkenalkan di Malaysia, di tahun 1975. Lagipun perkembangan seni persembahan bagi muzika atau drama muzika, dan komedi telah bermula pada ketika itu hampir di seluruh negeri. Kebangkitan bentuk persembahan kontemporari ini, sangat digalakkan untuk mempelbagaikan lagi corak seni persembahan tari tempatan.

Diperhatikan dengan tepat pada tahun 1974, organisasi pertandingan tari seumpamanya, dikenali dengan istilah sebagai Pertunjukan Perdana, sedangkan pada 1975, ia dikenali sebagai Persembahan Perdana. Tetapi pada 1976 peristilahan itu berkembang dan festival tari pada masa itu diistilahkan dan dikenali pula sebagai Pesta Perdana. Ketiga istilah seperti ‘pertunjukan perdana’, ‘persembahan perdana’ dan ‘pesta perdana’ adalah merupakan suatu penamaan kepada bentuk persembahan yang akhir setiap malamnya dan pada ‘kemuncak’ bagi sebuah persembahan di malam istimewa itu. Sehingga majlis ‘malam istimewa’ pada masa-masa itu adalah bagi majlis ‘penganugerahan kejohanan’ dalam seni tari, yang diberikan sebagai hasil kemenangan atas pertandingan untuk bidang tarian dan juga bidang drama,²⁴ tetapi bukan untuk bidang muzik hingga ke masa sekarang ini.

Seterusnya untuk memantapkan pertumbuhan koreografi tari Melayu Malaysia, pihak KKKP Malaysia telah menganjurkan satu lagi aktiviti seni persembahan, iaitu mempersembahkan Produksi Bengkel Koreografi (PBK) pada bulan Disember tahun 1990 di Auditorium Besar, Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang Kuala Lumpur.²⁵ Kajian memperlihatkan di mana terdapat sinambung

program produksi bengkel koreografi tersebut. Program ini sebenarnya bertujuan sebagai memantapkan lagi pelatihan dan pengalaman para koreografer tari Malaysia yang mengambil bahagian pada persembahan. Di samping kesannya dapat lebih memantapkan lagi organisasi pertubuhan kumpulan-kumpulan tarian, terutamanya melihat kepada perkembangan dan tajuk-tajuk tari kontemporari Malaysia sebagai yang dibandingkan antara dekad tahun 1970-an hingga 1990-an.

Namun dalam dekad 1970-an tajuk tarian lebih kepada tema perjuangan dan nostalgia, tetapi sebaliknya dekad 1990-an terdapat bentuk tari sambil memperlihatkan bentuk pengisian kebudayaan yang baru dan fungsi daripada pelancongan itu.²⁶ Kemudian pada 1992 mula lagi berterusan diadakan satu program festival tari peringkat kebangsaan, iaitu anjuran daripada pihak KKKP untuk pertama kali tari-tarian seperti itu dipersembahkan pada akhir abad duapuluh yang lalu. Ini menjadikan FTK dari 1992 hingga 2001 itu yang turut ditonton dan diberi penekanan sebagai kajian kes²⁷ (sila rujuk Lampiran G). Iaitu untuk mengetahui perubahan daripada “Pertandingan Tarian Kesenian Antara Negeri” kepada penyelenggaraan “Festival Tari Kebangsaan”.

Satu keistimewaan program FTK 1998, bertepatan dengan diselaraskan sempena majlis Pertemuan dan Seminar Tari '98 Kuala Lumpur²⁸ yang berperingkat antarabangsa. Di samping penyelenggaraan FTK, penyelenggaraan pertemuan dan seminar tari dipadukan juga bersamaan dengan program Festival Kebudayaan Komanwel KL 98 yang dikenali sebagai *Commonwealth Cultural Festival KL '98*.²⁹ Kedua program tersebut berlangsung pada September 1998 di bawah naungan KKKP Malaysia.³⁰ Meskipun masa itu kejatuhan ekonomi dunia, turut pula mempengaruhi

aktiviti seni tari dan budaya Malaysia. Penyertaan kontingen negara Malaysia masih diikuti oleh beberapa kumpulan persembahan tari dari seluruh negara.³¹

Berikut disenaraikan matlamat program ini, dan pelaksanaannya perlu juga didedahkan di sini, kerana berguna untuk melihat matlamat itu daripada tujuan harapan pihak pengajur dan kerajaan Malaysia agar kesinambungannya terbina. Matlamat itu barangkali sahaja dapat menyokong keinginan masyarakat untuk memajukan seni tanahair dan menggalang rasa persahabatan sesama seniman. Matlamat yang utama mungkin perkembangan seni persembahan itu dapat tumbuh mengikut corak yang sedia ada selama sepuluh tahun terakhir ini.

1. Tahun 1992 – tidak ditemui data untuk tahun ini.

2. Tahun 1993 –

- 1) Untuk meningkatkan mutu persembahan kumpulan kesenian negeri-negeri.
- 2) Memberi peluang kepada pereka tari menunjukkan bakat dan kreativiti serta menggalakkan penari mempamerkan kualiti seni tari yang tinggi.
- 3) Memelihara kesinambungan dan meningkatkan kefahaman serta meneruskan usaha memelihara dan memperkembangkan warisan budaya.

3. Tahun 1994 –

- 1) Memberi peluang kumpulan-kumpulan tarian kerajaan negeri dan mempamerkan bakat dan kreativiti.
- 2) Memupuk citarasa cintakan kesenian bangsa dikalangan penggiat seni tari tanahair.
- 3) Menggeratkan persahabatan, perpaduan dan pertukaran pengalaman antara kumpulan-kumpulan budaya pada kerajaan negeri melalui penghayatan kesenian. Memelihara kesinambungan, meningkatkan kefahaman serta meneruskan usaha memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- 4) Menjadi satu wadah kepada industri pelancongan.

4. Tahun 1995 – (data untuk tahun 1995 ini sama dengan data tahun 1994).

5. Tahun 1996 –

- 1) Memelihara kesinambungan dan meningkatkan kefahaman serta meneruskan usaha memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- 2) Mengeratkan persahabatan, perpaduan dan pertukaran pengalaman di antara kumpulan-kumpulan budaya pada kerajaan negeri melalui penghayatan kesenian.
- 3) Memberi peluang kepada kumpulan-kumpulan tarian kerajaan negeri mempamerkan bakat dan kreativiti.

6. Tahun 1997 –

- 1) Festival ini bertujuan untuk melahirkan kumpulan-kumpulan kesenian yang bermutu ke arah kecemerlangan seni negara.
- 2) Meningkatkan mutu persembahan kumpulan tarian tetap yang aktif di setiap negeri.
- 3) Memupuk citarasa cintakan kesenian bangsa di kalangan penggiat seni tanahair.
- 4) Mengeratkan persahabatan, perpaduan dan pertukaran pengalaman di antara kumpulan-kumpulan tarian melalui aktiviti persembahan dan sidang keilmuan.
- 5) Memelihara kesinambungan dan meningkatkan kefahaman serta meneruskan usaha memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- 6) Menambah khalayak seni tari dengan kadar 10% setahun.

7. Tahun 1998 –

- 1) Meningkatkan mutu persembahan ‘kumpulan tarian tetap’ yang aktif di setiap negeri ke arah memupuk citarasa cintakan kesenian bangsa di kalangan penggiat seni tanahair.
- 2) Memelihara kesinambungan dan meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab untuk memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- 3) Memberi peluang kepada peserta (koreografer dan penari) menunjukkan bakat dan kreativiti dengan mempamerkan kualiti seni tari yang bermutu tinggi selaras dengan nilai-nilai keperibadian kebangsaan.

. Tahun 1999 –

- 1) Meningkatkan mutu persembahan ‘kumpulan tarian tetap’ yang aktif di setiap negeri ke arah memupuk citarasa cintakan kesenian bangsa di kalangan penggiat-penggiat seni tanahair.
- 2) Memelihara kesinambungan dan meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab untuk memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- 3) Memberi peluang kepada peserta (koreografer dan penari) menunjukkan bakat dan kreativiti dengan mempamerkan kualiti seni tari yang bermutu tinggi selaras dengan nilai-nilai keperibadian kebangsaan.

Dalam bahagian-bahagian tujuan matlamat ini ditunjukkan bahawa persepsi terhadap visi dan misi daripada penyelenggaraan organisasi FTK itu adalah sesuatu proses yang aktif dan sangat komunikatif setelah menyerap, menafsirkan dan mengatur pelaksanaan FTK tersebut selama sepuluh tahun. Di sini disebutkan juga bagaimana persepsi itu mempengaruhi kumpulan kebudayaan negeri dan para penari yang dibentuk oleh masing-masing pengurus bahagian kebudayaan negeri serta mengurus bagi persiapan menyertai FTK secara baik ke peringkat kebangsaan yang lebih tinggi di Kuala Lumpur. Tetapi maklumat lain diperolehi bagi penyertaan FTK pada tahun 1999 hingga 2001; iaitu bagi kumpulan yang berhak ke peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur, terlebih dahulu kumpulan itu harus mendapat kemenangan di peringkat negeri.

Carta 5-02:
Tajuk Tari Asli Dan Kreatif Serta Kumpulan
Persembahan Negeri-Negeri Pada FTK Tahun 1992-1999

Tahun	Tajuk Persembahan Tarian Asli	Tajuk Persembahan Tarian Kreatif	Kumpulan
1. Negeri Perlis			
1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali

1993	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1994	Tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Kesenian Majlis Kebudayaan Negeri Perlis
1995	tidak menyertai	tidak menyertai	<i>Tidak menyertai</i>
1996	inang tua dan joget kain batik	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Kesenian Negeri Perlis
1997	zapin budaya dan asli sri Sarawak	gema Malaysia (silat, terinai, hadrah)	Kumpulan Kristal Kirana
1998	canggung, joget kain batik dan iInang tua	Kisah bunga mas	Kumpulan Kristal Kirana Perlis (Zahir Mozni B. Osman)
1999	zapin dan joget	pengembaraan puteri kayangan	Kumpulan Kristal Kirana Perlis (Zahir Mozni B-Osman)

2. Negeri Kedah

1992	semerah padi ³²	cintaku	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah
1993	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah
1994	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah
1995	joget serampang laut dan tari selendang mak inang	erjuangan	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah
1996	zapin budi dan joget kain batik	tajuk tidak dikesan	Badan Kesenian Negeri Kedah
1997	tidak menyertai	tidak menyertai	<i>Tidak menyertai</i>
1998	inang kesot dan zapin senandung sayang	Waris	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah (Wan Mohd Nor B Wan alam)
1999	inang ?	tidak menyertai kategori kreatif ini ³³	Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah

3. Negeri Perak

1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali
1993	tajuk tidak dikesan	setitik Keringat	Kumpulan Selendang Perak
1994	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak dikenali
1995	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Selendang Perak
1996	gabungan inang dan joget	garis indah merah gemilang	Selendang Perak
1997	inang selendang dan zapin Perak	tangga	Kumpulan Selendang Perak
1998	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1999	inang dan joget (konsep Orang Asli Ulu Kinta)	menari	Kumpulan Selendang Perak, Negeri Perak (A. Karim Othman)

4. Negeri Pulau Pinang

1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali
1993	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Badan Kesenian Majlis Kebudayaan N.P.Pinang
1994	dondang sayang dan joget	Malaysia indah	Kumpulan Penang Cultural Centre
1995	dondang sayang dan joget serampang laut	kulikalim, pencarian dan boria Pulau Pinang	Kumpulan Badan Kesenian Pulau Pinang
1996	hadrah pembuka panggung, zapin, dan joget	tajuk tidak dikesan	Badan Kesenian Pulau Pinang

1997	joget burung tiung dan zapin bunga hutan	Sketsa nostalgia	Kumpulan Astakasari Kampong Seronok
1998	si bunga tanjung dan Mak inang gembira	ala tanjung	Kumpulan Kesenian Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (Halmi B. Mahamad)
1999	inang (ndoi-ndoi dam) orang asli dan joget pucuk pisang	<i>timeless impression</i>	Kumpulan Briged Seni Mutiara, Pulau Pinang (Yusof Halmi B. Mahamad)

5. Negeri Selangor

1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali
1993	rentak bertandak	tanpa tajuk (aneka tarian)	Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah
1994	asli sri Mersing dan joget kasih bercanda	sorak warna keremajaan	Dewi Kasturi/Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah
1995	permainan dabus (kategori asli)	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Majlis Perbandaran Petaling Jaya
1996	asli dan zapin sambrah, sara	selangkah kita melangkah	Majlis Perbandaran Petaling Jaya
1997	paluan cemara Bugis dan tarian petenun	sejarah gemilang budaya cemerlang	Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah
1998	inang selendang mayang dan joget si jambu merah	selendang anak dara	Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah (Siti Aishah Idris)
1999	tajuk tidak dikesan	adakah ini kasih sayang	Kumpulan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Selangor (Kalsom Samad)

6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Labuan)

1992	tidak menyertai	tidak menyertai	Tidak Menyertai
1993	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan PUTRA
1994	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Dewi Kasturi
1995	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Dewi Kasturi <i>Dance Troupe</i>
1996	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1997	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1998	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1999	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai

7. Negeri Sembilan

1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali
1993	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1994	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan
1995	[mak] inang pulau kampai dan joget mirum kopit	(tiada tajuk)	Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan
1996	inang dan joget (tiada tajuk)	tarian rampaian (tiada tajuk)	Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan
1997	chek minah sayang dan joget pucuk pisang	tak lapuk dihujan tak lengkang dipanas	Angkatan Seni Baru Yayasan Negeri Sembilan
1998	inang kasih dan joget saputangan	cahaya Sri Menanti	Kumpulan Angkatan Seni Baru Yayasan Negeri Sembilan (Eliza Mustafa)

1999	inang saputangan dan joget ujang dan milah	randai bertari	Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan Sdn. Bhd Md. Desa Rahman)
------	--	----------------	--

8. Negeri Melaka

1992	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1993	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1994	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1995	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1996	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Briged Seni Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
1997	inang pulau kampai dan joget mencari teman	imbas nazam mendayu-dayu	Kumpulan Briged Seni Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
1998	zapin Palembang dan joget serampang laut	pertemuan selat Melaka	Kumpulan Briged Seni Melaka (Yahya B. Abdul Ahmad)
1999	tidak menyertai	tidak menyertai	Tidak menyertai

9. Negeri Johor

1992	zapin Johor	gemilang ahaya (ragam tari)	Kumpulan Angkatan Sri Johor, Negeri Johor
1993	zapin Lengar Muar dan joget lambak Kuala Sedeli	Lambaian Indah Selat Tebrau	Kumpulan Taman Seni Budaya Negeri Johor
1994	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Angkatan Sri Johor/Taman Seni Budaya Johor
1995	zapin dan joget Sri Muar	khasanah seni Johor	Kumpulan Kesenian Yayasan Warisan Johor
1996	zapin ya salam dan joget Johor Sport Club	pesta kampung	Badan Kesenian Warisan Johor
1997	permainan zapin Tenglu dan joget pulau Mersing	hijerah	Badan Kesenian Warisan Johor
1998	permainan zapin Pekajang dan joget gentam tanjung adang	perjanjian	Kumpulan Yayasan Warisan Johor (Onn B. Jaafar)
1999	zapin Melayu Johor dan joget	perjalanan, (tema) Ilmu penyuluhan hidup	Kumpulan Taman Seni Budaya Yayasan Warisan Johor (Ali Mat Pandi)

10. Negeri Kelantan

1992	zapin hanuman	legenda puteri setia	Kelab Kesenian Darul Naim, Kelantan
1993	(asli) siti payung dan joget Kelantan	indahnya negeri Kelantan	Kumpulan ASBAK
1994	tari joget lambak dan zapin Kelantan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan ASBAK
1995	tarian joget lambak dan tarian zapin	warisan Darul Naim	Kumpulan ASBAK (Kumpulan Angkatan Seni Budaya AKSIRAMA Kelantan)
1996	ayam didik (inang), joget Kelantan	Malaysia teguh	Kumpulan GEMA Negeri Kelantan
1997	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1998	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1999	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai

11. Negeri Terengganu

1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	tidak dikenali
1993	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai

94	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
95	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1996	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1997	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
1998	zapin Terengganu dan joget mak dara	rumah kedai atap rumbia	Kumpulan SUKTRA Terengganu (Bahrin B. Ismail)
1999	tidak menyertai	tidak menyertai	tidak menyertai
12. Negeri Pahang			
1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Tidak dikenali
1993	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Budaya Yayasan Pahang
1994	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Budaya Yayasan Pahang
1995	zapin gambus dan joget jambu merah	perhijrahan budaya Indrapura	Kumpulan Budaya Yayasan Pahang
1996	zapin Pekan dan joget Pahang	tarian rampaian	Kumpulan Budaya Yayasan Pahang
1997	zapin Indrapura (zapin Pekan) dan joget asam kana	pesta gunung tahan	Kumpulan Kesenian Pahang
1998	zapin seri Pekan dan joget serampang laut	kembara naga Chini	Kumpulan Budaya Pahang (MPK) (Abdul Razin B. Ahmad)
1999	terenang dan zapin Raub	teratai	Kumpulan Briged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan Pahang (Badarzaman Jusoh @ Harun)
13. Negeri Sabah			
1992	tajuk tidak dikesan	tajuk tidak dikesan	Sri Tari Sandakan
1993	joget asli (tidung) zapin Brunei	tidung (sebelas aneka tarian suku kaum)	Kumpulan Pro Patio Ranau Sabah Ismaily Bungsu
1994	tidung dan joget Brunei (dendang)	pangkin? (lansaran)	Kumpulan ATANAS Sabah
1995	zapin tidong dan joget	pankin	Kumpulan Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah
1996	jipen Barunai dan joget dendang sabong	legenda sangdewata Kodo	Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah
1997	joget (dendang) dan jipen Brunei	legenda puteri sungai	Kumpulan Sri Tari Sandakan
1998	zapin Jamilah dan joget Tagunggu	moyang	Kumpulan Budaya Kinabalu Sabah (BUDAYAWAN) (Jalil Sulai)
1999	dendang dusun	seru	Kumpulan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (Jamil Magayad)
14. Sarawak			
1992	tajuk tidak dikesan	hewan kesut dan lain-lain ³⁴	Sri Trina, Sarawak ³⁵
1993	tajuk tidak dikesan	kenyalang emas	Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak
1994	dondang sayang dan joget	Malaysia indah	Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak

1995	zapin sebat dan joget	berdayong	Kumpulan Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak
1996	lampun beradat, zapin dan joget paluan hadrah	tajuk tidak dikesan	Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak
1997	bergendang dan berjepen	segunim sungai jamuring	Kumpulan Kesenian Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak
1998	zapin Sarawak dan gendang Melayu	selampit	Kumpulan Kesenian Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak (Affendi B. Seblj)
1999	tandak melayu Sarawak dan joget tanjung katung	taksyim	Kumpulan Badan Kesenian D' Cipta Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak (Rahmah Mohd Ekbar)

Catatan: Tajuk tidak dikesan, sesetengahnya sebutan tari hanya membacakan sinopsis sahaja, seperti tari inang dan joget atau tarian rampaihan.

Kenyataan daripada sumber data tersebut dalam carta di atas, di mana jumlah kumpulan yang menyertai FTK dari tahun 1992 hingga 1999 terdapat ketidaksamaan sebagai jumlah penyertaan, iaitu terdiri antara sepuluh kumpulan hingga dua belas kumpulan. Sedangkan kumpulan negeri yang tidak menyertai setiap tahunnya adalah: mengikut kes tahun 1992 – dua kumpulan ialah Wilayah Persekutuan dan Melaka. Tahun 1993 – empat kumpulan ialah negeri Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu. Tahun 1994 – tiga kumpulan ialah negeri Melaka, Terengganu dan Perak. Tahun 1995 – tiga kumpulan ialah negeri Perlis, Terengganu dan Melaka. Tahun 1996 – dua kumpulan ialah negeri Terengganu dan Wilayah Persekutuan. Tahun 1997 – empat kumpulan ialah negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Wilayah Persekutuan. Tahun 1998 – tiga kumpulan ialah negeri Wilayah Persekutuan, Kelantan, Perak. Dan tahun 1999 – empat kumpulan ialah negeri Wilayah Persekutuan, Melaka, Terengganu dan Kelantan. (Untuk lebih jelasnya sila rujuk carta 5-05).

Pada bahagian ini baik juga dinyatakan tentang tempat FTK berpindah, menerusi teks ucapan perutusan yang disampaikan oleh menteri KKKP Malaysia selaku menteri yang baru dilantik dan menerajui kementerian itu pada tahun 1999. Semua persembahan tersebut diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, setelah tujuh tahun menempati dewan itu. Kecuali untuk tahun 1999 persembahan FTK kali ke lapan telah dinyatakan berpindah tempat penyelenggaraannya dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke Istana Budaya di jalan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Oleh itu, FTK pada tahun 1999 buat pertama kalinya diadakan di Istana Budaya, bagi melanjutkan festival tari-tarian Melayu di Malaysia ke peringkat kebangsaan tersebut.

Carta 5-03:
Senarai Tarikh, Jumlah Kumpulan Dan Tempat Persembahan
FTK 1992-1999 (ditambahkan data tahun 2000 dan 2001)

Tahun	Tarikh	Jumlah Kumpulan	Tempat Festival
1992	28 hingga 31 Mei 1992	12 kumpulan ³⁶	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1993	14 hingga 18 Jun 1993	10 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1994	30 Mei hingga 3 Jun 1994	11 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1995	22 hingga 26 Mei 1995	11 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1996	29 Julai hingga 2 Ogos 1996	12 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1997	4 hingga 7 Jun 1997	10 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1998	23 hingga 26 September 1998	11 kumpulan	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1999	11 hingga 13 Oktober 1999	10 kumpulan	Auditorium Istana Budaya Kuala Lumpur
2000	27 hingga 30 September 2000	11 kumpulan	Auditorium Istana Budaya Kuala Lumpur ³⁷
2001	22 hingga 26 Oktober 2001	14 kumpulan ³⁸	Auditorium MBSA Shah Alam, Selangor ³⁹

5.1.3 Peraturan Festival

Peraturan FTK yang dicontohkan di sini adalah mengikut kandungan buku cenderamata tahun 1999. Peraturan ini penting kerana pada buku-buku cenderamata sebelumnya tiada sebarang terdapat keterangan yang lengkap seperti kes yang ditulis lebih lengkap dan lebih awal dari pada tahun itu. Meskipun perkara ini tidaklah jauh berbeza digunakan pada tahun-tahun sebelum tahun 1999. Namun penjelasan ini sangat membantu bagi peserta FTK mahupun bagi khalayak ramai untuk mengenali peraturan dan syarat-syarat penyertaan pertandingan tarian FTK.

FTK merupakan satu program tahunan dalam bidang seni tarian yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1992 lagi. Program ini antara lain berdasarkan hasrat memantapkan lagi kumpulan-kumpulan kesenian di peringkat negeri dan ini selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang kesenian; di samping menjadikan kesenian itu sebagai suatu pengisian kepada industri pelancongan yang semakin pesat dan berkembang maju.

Mengenali peraturan FTK ini diperolehi mengikut kes yang terdapat pada tahun 1999. Tarikh dan tempat persempahan – sebelas hingga tiga belas Oktober 1999 dan tempat persempahan di auditorium Istana Budaya, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Sedangkan tempat penginapan para penari dan peserta lainnya ditempatkan di Hotel City Villa, Kuala Lumpur. Penyertaan: (i) Negeri – semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan dipelawa juga untuk menyertai FTK. (ii) Peserta – seramai dua puluh lima orang peserta akan mewakili setiap satu kumpulan yang terdiri daripada penari, pemuzik, koreografer, dan pegawai penyelaras. (iii) Panel penilai – lima orang panel penilai akan dilantik bagi mengadili

pertandingan dalam persesembahan tari. Selain dari panel penilai, juri juga turut dilantik, iaitu seorang juri dari setiap kumpulan. Keputusan panel penilai adalah muktamad.⁴⁰

5.1.3.1 Kategori Hadiah

Hadiah kemenangan mengikut kes tahun 1999 berupa wang dalam ringgit Malaysia yang diberi kepada kumpulan yang berkelayakan; sebagai Johan adalah RM 5,000, Naib Johan atau Kumpulan Harapan RM 2,500. Sedangkan Persembahan Terbaik tari asli RM 3,000. Anugerah Koreografer Terbaik Kreatif RM 1,000 dan Anugerah Koreografer Terbaik Asli RM 1,000.

Sedangkan Anugerah Susunan Muzik Terbaik Kreatif RM 1,000 dan Anugerah Susunan Muzik Terbaik Asli RM 1,000. Kemudian Anugerah Susunan Kostum Terbaik Kreatif RM 1,000, dan Anugerah Susunan Kostum Terbaik Asli RM 1,000. Hadiah saguhati pula adalah masing-masing RM 1,000 diberikan setiap satu kepada tujuh kumpulan. Bagi hadiah wang tunai ini pada penyelenggaraan FTK tahun 1999, sebagai perbandingannya memperlihatkan dengan jelas mengikut kepada tahun yang dipilih (rujuk carta 5-04).

Berbanding dengan pingat dan hadiah yang lain dalam FTK, di mana hadiah-hadiah yang diberikan dalam bentuk wang tunai iaitu antara RM 1,000 sehingga RM 5,000.⁴¹ Hadiah ini diberikan kepada bahagian untuk kejohanan tarian dan bahagian untuk kejohanan muzik⁴² seperti yang disenaraikan dalam carta di bawah ini. (Untuk peristilahan penamaan hadiah-hadiah ini sila rujuk sub judul 5.2.2).

Carta 5-04:
Perbandingan Anugerah Dan Hadiah
Wang Tunai Dalam Tempo Masa Enam Tahun⁴³

Anugerah Dan Hadiah	1992 ⁴⁴	1993	1994	1996	1997	1999

	x					
Persembahan Terbaik/Johan	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000+
Persembahan Terbaik Asli	-	1,500	2,000	3,000	3,000	3,000+
Persembahan Harapan/ Naib Johan	4,000 ⁴⁵	3,000	3,000	2,000	2,500	2,000+
Koreografer Terbaik Asli	*	*	2,000	2,000	1,000	1,500 +
Koreografer Terbaik Kreatif	*	*	*	2,000	1,000	1,500 +
Susunan Muzik Terbaik Asli	*	*	*	2,000	1,000	1,500 +
Susunan Muzik Terbaik Kreatif	*	*	*	2,000	1,000	1,500 +
Kostum Terbaik Asli	*	*	*	2,000	1,000	1,500 +
Kostum Terbaik Kreatif	*	*	*	2,000	1,000	1,500 +
Tempat Ketiga (**)	2,000	2,000	*	*	*	*
Sagu Hati	1,000	*	*	*	*	1,000 (***)

Catatan: Hadiah berupa wang tunai dalam RM (Ringgit Malaysia). Data bagi tahun 1995 dan 1998 tidak dapat diterangkan kerana sukar diperolehi.

- (-) Data tiada dapat dikesan.
- (+) Masing-masing mendapat piala iringan.
- (x) Kes Tahun 1992 dinyatakan satu anugerah khas dari panel penilai yang berupa piala Pusingan (1992), kerana menampilkan tarian Melayu asli dengan baik. Hadiah itu diberikan kepada Angkatan Sri Johor. Dan masing-masing menerima Sijil Penghargaan.
- (*) Tidak ada hadiah apapun diberikan, kecuali sijil penyertaan.
- (**) Anugerah Tempat Ketiga bagi kes tahun 1994, dan 1996/7/9 ditiadakan, kerana alasan data yang tidak diketahui dengan pasti. Kecuali untuk tahun 1992 dan 1993 melalui keratan surat khabar.
- (***) Saguhati untuk 7 (tujuh) kumpulan, masing-masing RM 1,000

Data yang telah disebutkan ini menunjukkan pelbagai variasi yang dicontohkan pada tahun 1996, tahun 1997 dan tahun 1999. Pada tahun 1996 menunjukkan jumlah wang tunai dalam ringgit Malaysia sebagai hadiah adalah lebih besar berbanding dengan tahun 1997 di mana jumlah penurunan nilai wang berkesan separoh. Kes ini berlaku barangkali kerana satu akibat daripada kejatuhan ekonomi (berawal Julai 1997) dan berkesan ada semacam usaha untuk berjimat cermat daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, dalam hal ini ialah pihak KKKP Malaysia. Namun pada tahun 1999, hadiah berupa wang semula telah menampakkan satu penambahan setengah daripada hadiah sebelumnya. Bahkan hadiah saguhati telahpun diberikan untuk tujuh kumpulan tertentu yang berhak menerima sebagai penyerta (rujuk carta 5-04).

Meningkatnya jumlah hadiah yang diberikan ini adalah berkaitan dengan peredaran kemajuan ekonomi negara dan juga peruntukan yang diperolehi daripada kerajaan. Di sini dapat disimpulkan bahawa, “sebuah aktiviti seni dan budaya turut juga dipengaruhi oleh faktor pertumbuhan ekonomi sebuah negara. Semakin tinggi pendapatan sebuah negara maka semakin banyak aktiviti seni dan budaya boleh dijalankan”. Sebaliknya, “semakin tidak menentu kedudukan kewangan sebuah negara semakin bermasalah dan terkendala pula aktiviti seni tarian dan budaya”.

5.1.3.2 Penyertaan Festival

Penyertaan FTK hanya terbuka kepada kumpulan seni tarian yang tetap dan sedia ada dan aktif di peringkat negeri-negeri. Kepada pengarah kebudayaan dan kesenian negeri, diminta mengenalpasti kumpulan yang berwibawa di peringkat negeri, setelah berbincang dengan kerajaan negeri bagi mewakili negeri berkenaan ke festival ini.⁴⁶ Iaitu bagi mengenalpasti kumpulan berkebolehan dan yang berwibawa.⁴⁷ Namun sebuah kumpulan yang terdiri daripada gabungan beberapa kumpulan tarian yang sedia ada, tidak boleh dianggap sebagai kumpulan tetap dan tidak dibenarkan sama sekali menyertai festival berikutnya.⁴⁸ Bilangan ahli setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi dua puluh lima orang termasuk seorang pegawai dan seorang pereka tarian. (Untuk syarat penyertaan sila rujuk sub judul 5.1.3.6)..

Carta 5-05:
Kumpulan Yang Menyertai Dan Tidak
Menyertai Selama FTK Tahun 1992-1999

NEGERI	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Perlis	m	Tm	m	Tm	m	m	m	m
Kedah	m	m	m	m	m	Tm	m	m
Perak	m	m	Tm	m	m	m	Tm	m
Pulau Pinang	m	m	m	m	m	m	m	m
Selangor	m	m	m	m	m	m	m	m
W.Persekutuan	Tm	m	m	m	Tm	Tm	Tm	Tm

Negeri Sembilan	m	Tm	m	m	m	m	m	m
Melaka	Tm	Tm	Tm	Tm	m	m	m	Tm
Johor	m	m	m	m	m	m	m	m
Kelantan	m	m	m	m	m	Tm	Tm	Tm
Terengganu	m	Tm	Tm	Tm	Tm	Tm	m	Tm
Pahang	m	m	m	m	m	m	m	m
Sabah	m	m	m	m	m	m	m	m
Sarawak	m	m	m	m	m	m	m	m

Catatan: Tm = Tidak menyertai; m = menyertai

Berikut ini dinyatakan hanya khusus bagi pernyataan FTK 1992 sahaja. Walau bagaimanapun data ini tidak diperolehi daripada sumber video rakaman, melainkan didapati melalui penulisan suatu artikel dalam sebuah surat khabar Berita Harian, terbitan Kuala Lumpur tahun 1992. Dinyatakan, penyertaan pada tahun itu yang berhasil mempersembahkan tarian dengan baik adalah negeri Kedah, Johor, Kelantan, Sarawak, dan Sabah. Tetapi dua negeri iaitu negeri Kelantan dan Sarawak tidak mendapat ulasan oleh penulis artikel tersebut.

- (1) Penyertaan negeri Kedah 1992: mempersembahkan kategori tari asli Semerah Padi dan Cintaku, sedangkan kategori tari kreatif sepertinya juga menggunakan tajuk yang sama. Kedua kategori ini barangkali mungkin, di mana tajuk semerah padi bagi kategori tari asli dan cintaku bagi kategori tari kreatif ataupun sebaliknya. Kumpulan tarian ini dibawakan bagi mengikuti pertandingan FTK tahun 1992 yang diwakili oleh Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah. Penjelasan ini diperolehi melalui maklumat artikel dalam surat khabar tahun itu.
- (2) Seterusnya penyertaan negeri Johor tahun 1992: mempersembahkan kategori tari asli iaitu zapin Johor, sedangkan kategori tari kreatif ialah bertajuk Gemilang Cahaya dalam rangkaian persembahan bagi ragam tarian. Ragam tarian ini berangkali dapat disamakan dengan tarian rampaian yang mewakili kategori tarian kreatif ini.

Kumpulan ini mempersembahkan mengikut pertandingan FTK tahun 1992 dan telah diwakili oleh Kumpulan Angkatan Sri Johor, dari negeri Johor.

- (3) Sedangkan penyertaan negeri Kelantan 1992: mempersembahkan kategori tari asli zapin Hanuman dan kategori tari kreatif ialah bertajuk Legenda Puteri Setia. Kumpulan ini dibawakan mengikut pertandingan FTK tahun 1992 adalah kumpulan Kelab Kesenian Darul Naim, dari negeri Kelantan.
- (4) Penyertaan negeri Sarawak 1992: dikenali mempersembahkan Hewan Kesut bagi kategori tari kreatif sedangkan tari asli dari kumpulan ini tidak dapat dikesan.
- (5) Penyertaan negeri Sabah 1992: adalah diwakili oleh kumpulan Sri Tari Sandakan dan keduanya kategori tarian yang dipertandingkan tidak dapat dikesan dengan baik.

Bagaimanapun kelima-lima data disebutkan untuk negeri-negeri yang mendapat anugerah ini, diperolehi daripada maklumat dalam surat khabar terbitan tahun 1992.

5.1.3.3 Kategori Persembahan

Bahagian tari asli: setiap kumpulan hendaklah memilih mana-mana dua jenis tarian di pilih antara asli, inang, joget, dan zapin. Persembahan tari dalam bahagian ini mestilah berdasarkan dari negeri mana asalnya tarian itu dipagelarkan. Maksudnya tidak dibolehkan mana-mana muzik iringan tari dalam bentuk yang digubah sebelumnya. Penggunaan alat muzik elektronik tidak dibenarkan sama sekali, lagipun penari-penari tidak dibenarkan memakai alas kaki, dan setiap kumpulan dikehendaki memakai busana yang sopan dan bersesuaian dengan tarian yang dipersembahkan. Kepada kumpulan asli atau kreatif dibenarkan menggunakan seorang atau dua penyanyi

untuk persembahan tersebut. Jumlah masa persembahan keseluruhannya ialah lapan hingga sepuluh minit sahaja.

Sedangkan pada bahagian tari kreatif di mana persembahan dalam kategori ini, haruslah berlandaskan olahan daripada elemen tradisional ataupun etnik yang ada dalam negara Malaysia yang digubah untuk mendapatkan koreografi kreatif dan bukan berbentuk persembahan dramatari, tetapi mestilah mempunyai tema, jalan cerita, dan jumlah masa keseluruhan ialah duapuluh minit. Penggunaan alat muzik elektronik yang tidak diprogram adalah dibenarkan dan penggunaan alat muzik tradisional sangat digalakkan.⁴⁹

5.1.3.4 Ganti Rugi

Bahawasanya pihak KKKP Malaysia, melalui jawatankuasa pengelola, atau jawatankuasa kecil tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh peserta bagi tujuan menyertai festival. Segala perbelanjaan oleh setiap negeri yang menyertai festival tersebut ditanggung oleh negeri masing-masing.

Sementara itu, pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap semua kemalangan yang berlaku kepada peserta, baik perkara itu terjadi sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan FTK. Kepada kumpulan-kumpulan diingatkan supaya mengambil insurans⁵⁰ bagi menjamin keselamatan semasa FTK itu berlangsung dan juga perjalanan pergi dan balek semula. Diumpamakan, misal seseorang penari yang datang bertolak dari negeri asal mereka dan kepadanya dianjur untuk menguruskan insurans tersebut.⁵¹

Perkara ini mestilah diambil kira oleh mana-mana pegawai kumpulan atau ketua kontingen, apabila sesuatu hal sebarang kemalangan yang tidak diinginkan terjadi kepada penari berkenaan.

5.1.3.5 Penangguhan

Tarikh, masa dan tempat pertandingan yang dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh mana-mana pasukan dan kumpulan yang mengambil bahagian. Jawatankuasa pengelola mempunyai kuasa muntlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu pertandingan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta. Bagi mana-mana pertandingan yang ditangguhkan, maka jawatankuasa pengelola hendaklah menetapkan semula pertandingan yang ditangguhkan itu. Lalu, segala perkara berbangkit yang tidak dicatatkan oleh jawatankuasa pengelola keputusan tersebut adalah muktamad.

Sebagai sebuah program tahunan anjuran KKKP, maka besarlah harapan seniman agar festival seperti ini dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat, dalam hubungan itu untuk memelihara dan mengembangkan warisan seni kebangsaan yang tersirat daripada pelbagai nilai dan falsafah budaya di dalamnya.⁵²

5.1.3.6 Syarat Penyertaan

Terdapat peraturan dan syarat yang jelas untuk menyertai FTK ini. misal pada FTK tahun 1996 dan ditambah dengan peraturan-peraturan FTK tahun 1997 sebagai syarat penyertaan, di sini syarat itu dilihat sebagai peraturan untuk mengikuti pertandingan FTK tersebut.⁵³ Iaitu setiap kumpulan wakil negeri-negeri dipastikan tidak melebih jumlah peserta yang ditetapkan, sedangkan format persembahan tari dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu kategori pertandingan persembahan tari asli dan persembahan kategori tari kreatif.

Bagi persembahan tari asli setiap pasukan atau kumpulan mesti memilih dua di antara empat jenis tarian yang ditetapkan oleh pengajur iaitu tari asli, inang, joget dan

zapin. Kemudian tarian tersebut dipersembahan berterusan berdasarkan pilihan mengikut kumpulan masing-masing. Seterusnya untuk bahagian kategori tari kreatif, syarat koreografi memastikan tidak disusun berdasarkan kepada bentuk sebuah dramatari,⁵⁴ tetapi koreografi hendaklah mengikut susunan tema dan jalan cerita yang jelas. Masing-masing katergori bahagian yang dipertandingkan waktunya adalah lapan hingga sepuluh minit untuk bahagian kategori tari asli, sebaliknya untuk bahagian kategori tari kreatif lebih kurang duapuluh minit untuk keseluruhannya. Syarat ini ialah mengikut kes tahun 1999.

Oleh itu, masanya sebuah persembahan yang dipertandingkan dapat dibandingkan dengan kes tahun 1996. Di mana waktu untuk kategori tari kreatif antara duapuluh empat hingga tigapuluh minit. Semua hendaknya mengandungi *overture* selama dua hingga tiga minit, tari kreatif selama duapuluh hingga duapuluh empat minit, dan *finale* dua hingga tiga minit.

5.1.3.7 Format Persembahan

Kepada setiap kumpulan dikehendaki menggunakan *live music* sahaja penggunaan *tape* atau pita rakaman dan seumpamanya tidak dibenarkan sama sekali. Sedangkan pekej persembahan hendaklah mengandungi dua bahagian iaitu bahagian persembahan asli dan bahagian persembahan kreatif.

Penggunaan alat-alat muzik tradisi, *sound effect* atau suara-suara tambahan bagi kategori kreatif adalah digalakkan. Kepada kumpulan katergori tari kreatif ini dibolehkan untuk mengguna alat muzik elektronik untuk mendapatkan *overtone*, iaitu mendapatkan nada yang diterbitkan oleh alat muzik elektronik ini ekoran daripada gema suaranya. Kecuali pada kategori tari asli, dan penggunaan alat muzik eletronik

sangat dihindari dan digalakan penggunaan alat tradisional tempatan masing-masing negeri. Untuk penjelasan masalah muzik ini lebih luas (sila rujuk Bab 6, sub judul 6.2.10).

Bentuk penilaian dalam persempahan ini akan dilakukan oleh panel hakim dan juri yang ditetapkan oleh sidang dewan hakim dan memperhatikan beberapa syarat-syarat lain yang mesti dijalankan oleh juri-juri yang ditunjuk. Bandingkan dengan Pertandingan Tarian Kebangsaan (PTK) pada tahun 1974, 1975 dan 1976. Di mana pada tahun-tahun tersebut dalam program tarian yang dipertandingkan itu terdapat tiga bahagian iaitu: bahagian tarian tradisional, bahagian tarian joget dan bahagian tarian inang. Ketiga-tiganya turut pula dipertandingkan sebagai melengkapi pertandingan dalam klasifikasi jenis tarian tradisional dan ia adalah masuk dalam kategori tarian rampaian.

Pada tahun 1974 hingga 1976 istilah bagi menyamakan dengan tari kreatif sebelum tahun itu belum lagi dikenali oleh orang ramai di rantau ini, dan pada masa itu pula tarian rampaian adalah menjadi tarikan yang paling popular untuk persempahan tari di mana-mana majlis persempahan kesenian dan kebudayaan.⁵⁵ Tetapi dua jenis bahagian tarian joget dan bahagian tarian inang telah dipertandingkan secara berpasangan dalam satu bentuk persempahan tari yang difestivalkan masa itu.⁵⁶ Oleh itu, dengan jumlah satu ratus sembilan puluh kumpulan tarian pada tahun 1975 dan satu ratus lapan puluh lapan buah kumpulan tarian pada tahun 1976; mungkin ini jumlah yang cukup mengagumkan dan dapat menyertai pertandingan itu untuk kedua bahagian jenis tarian berpasangan joget dan inang ketika itu.⁵⁷

Di sini sesuatu yang menarik dapat disemak seperti mana tertulis dalam Laporan Peraduan Tarian tahun 1975, dibentangkan oleh Tengku Abu Bakar Husny yang beliau masa itu sebagai ketua panel hakim tarian, dan memperkatakan:

Kalau pada tahun 1974 hanya dilaksanakan Peraduan Tarian Rampaian sahaja untuk seluruh Malaysia, maka dalam tahun 1975 selain dari Tarian Rampaian diambil pula inisiatif melaksanakan peraduan pasangan Tarian Joget. Hal ini dilakukan untuk memberi kesempatan kepada pasangan tari joget untuk mempertunjukkan kehandalannya.⁵⁸

Seterusnya pada masa itu, anugerah untuk kategori pereka kostum dan susunan muzik kumpulan terbaik belum didedahkan lagi untuk bahagian dipertandingan dalam tarian tersebut. Sebaliknya, satu hal yang sangat menggembirakan berlaku di mana sebuah Piala Pusingan diperebutkan dalam pertandingan tarian tahun 1974 itu. Piala ini dinamakan hadiah daripada Allahyarham Y.A.B.Tun Haji Abdul Razak Hussein.⁵⁹

Hingga kajian ini dijalankan bagi mengenalinya: tidak dinyatakan bila masa julung kalinya piala⁶⁰ itu diperebutkan untuk pertandingan tarian peringkat kebangsaan, meskipun data ini tidak dapat dikesan bagi menelusuri data sejarah tarian Malaysia. Tetapi setidaknya telah ditemui gambar piala pusingan itu pada buku cenderamata tahun 1974 dan memperlihatkan piala tersebut bersamaan dengan sebuah piala pusingan yang lain dalam corak yang lain pula untuk bahagian Pertandingan Drama Kebangsaan di tahun 1974; yang merupakan hadiah khusus daripada YB Dato Ali Haji Ahmad sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa itu.

Daripada itu, berbanding dengan kes tahun 1992 dinyatakan satu ‘anugerah khas’ daripada panel penilai yang juga berupa sebuah piala yang bernama ‘piala pusingan’. Piala pusingan⁶¹ ini merupakan sebuah lagi piala yang terhormat, iaitu pemberian hadiah khusus daripada Perdana Menteri Malaysia, di tahun 1992 yang lalu,

untuk dihadiahkan sebagai kejohanan kategori tarian rampaian dan tarian tradisional dalam program FTK dengan menambahkan sejumlah wang.⁶²

5.2 SISTEM MARKAH

Sistem pengagihan markah dalam FTK adalah menggunakan ‘sistem perwakilan negeri’ dan perwakilan ini bermesyuarat dalam peringkat dewan panel untuk menentukan keputusan pemarkahan yang diberikan. Kemudian penilaian dibuat berdasarkan dua kaedah, iaitu sistem panel hakim dan sistem panel juri. Untuk menganggotai panel hakim ditunjuk beberapa pakar oleh pihak KKKP, sedangkan untuk panel juri dimintakan kepada setiap negeri-negeri mewakili seorang juri yang berkelayakan dan berpengalaman dalam pengamatan seni tarian dari semasa ke semasa.

Carta 5-06:
Pengarah, Penyelaras Dan Ahli Panel Pengadil
Penyelenggaraan FTK Tahun 1992-1999

Thn	Pengarah Produksi	Penyelaras	Ketua Panel dan Juri	Ahli Panel
1992	Tiada data	Tiada data	Tiada data	Tiada data
1993	Tuan Hj Supiat Mukri	Mohamed Juhari Hj Shaarani	Ariff Ahmad	Tiada data
1994	Tuan Hj Supiat Mukri	Mohamed Juhari Hj Shaarani	Mohd Anis Md Nor	Tiada data
1995	Tuan Hj Supiat Mukri	Mohamed Juhari Hj Shaarani	Mohd Anis Md Nor	Tiada data
1996	Yahya Awang	Husin Yahaya	Tiada data	Tiada data
1997	Husin Yahaya	Mohamed Juhari Hj Shaarani	Mohd Anis Md Nor	Mohd Najib Md Nor, Ramlan Iman, Suhaimi Magi, Tharuwat Ismail Bakti,
1998	Tiada data	Tiada data	Mohd Ghousie Nasuruddin	Omar Taib, Maziah Omar, Mahmood Ibrahim, Suhaimi Magi,
1999	Mohamad Adnan Hj.Hamzah	Rodzuan Ismail, Ridzuan Abdul Salam	Joseph Victor Gonzales	Suhaimi Magi, Ariff Ahmad, Mohd Najib Md Nor, Mohamad Tharuwat Bakti.

Antara jemaah panel hakim yang berkelayakan, dan mempunyai pengetahuan di bidang seni persembahan tari pada FTK tahun 1992 hingga tahun 1999; ialah Ariff Ahmad, Mohd Anis Md Nor, Mohd Ghouse Nasuruddin, Siti Zainon Ismail, Mohd Najib Md Nor, Ramlan Iman, Joseph Victor Gonzales, Suhaimi Magi, Mohamad Tharuwat Bakti, Omar Taib, Maziah Omar, dan Mahmood Ibrahim. Pada bahagian ini perlu juga dijelaskan tentang maklumat jemaah pengadil atau hakim tarian mengikut data tahun 1975 dan 1976, ialah Tengku Abu Bakar Husny, Mohd Azmin Hashim, Lee Lee Lan, Mohd Ghouse Nasaruddin, Ahmad Omar, Gopal Shetty dan Sufiat Mukri.

Selama penyelenggaraan festival di Malaysia, kelompok panel hakim lelaki lebih ramai berbanding panel hakim perempuan. Kelompok perempuan yang pernah menjadi panel hakim tarian mengikut maklumat pertandingan tarian pada tahun 1975-1976 terdapat seorang pengadil perempuan ialah Lee Lee Lan yang lebih pakar dalam tarian Cina dan tarian moden. Kemudian diteruskan seorang lagi panel hakim perempuan pada FTK tahun 1998 ialah Maziah Omar, dan beliau lebih banyak bergerak dalam bidang tarian tradisional Melayu. Seterusnya dalam FTK tahun 2000 terdapat pengadil perempuan sebagai panel hakim ialah Siti Zainon Ismail pakar dalam bidang seni busana dan seni halus, dan Mew Chang Sing pakar dalam koreografi tari Cina.

Terdapat golongan perempuan yang menjadi panel hakim FTK dikesan tiga orang iaitu Maziah Omar, Siti Zainon Ismail dan Mew Chang Sing. Daripada kajian ini memperlihatkan bahawa kaum lelaki lebih aktif sebagai jemaah panel hakim berbanding dengan kaum perempuan semenjak awalnya lagi perkembangan tarian di rantau ini.⁶³ Tetapi sebaliknya, penyertaan sebagai ahli penari FTK di mana penari

perempuan lebih banyak daripada penari lelaki, meskipun dunia tari menari adalah hak yang sama di antara kaum lelaki dengan kaum perempuan.

5.2.1 Penilaian

Format penilaian tarian dibuat melalui dua kaedah, iaitu melalui sistem panel hakim dan panel juri. Kelompok panel hakim ini disahkan oleh pihak urusetia FTK, pihak KKKP akan melantik lima orang ahli panel yang mempunyai kepakaran dalam bidang tarian dan bidang disiplin bantu yang berkaitan dengan festival (rujuk carta 5-06). Jumlah panel hakim setiap tahunnya tidaklah sama, biasa antara empat atau lima orang dan masing-masingnya juga tidak memiliki kepakaran yang sama pula dalam dunia tarian ini. Mereka yang dipilih dan duduk sebagai panel hakim tidak tetap dan di antara mereka dipilihkan mengikut keadaan semasa di setiap tahunnya. Sedangkan kelompok panel juri, kepada setiap negeri diminta mencalonkan seorang juri dan dilantik oleh urusetia FTK yang benar-benar berkelayakan dan berkebolehan bagi mewakili negeri masing-masing.

Penjelasan berikut sebuah format pemarkahan dapat diberikan atas model persembahan tari. Contoh ini dibentangkan mengikut yang telah digunakan pada FTK tahun 1999. Penilaian dan pemberian markah itu, dibuat mengikut pecahan peratusan dalam tiga kategori iaitu: (i) Panel penilai 70%, (ii) Juri 25%, dan (iii) Ketepatan waktu 05%. Jumlah keseluruhan adalah 100%.

Bagi menentukan panel penilai, pihak KKKP melantik panel penilai yang mempunyai kepakaran dalam bidang tarian misal pakar dalam bidang, koreografi muzik, kostum dan sebagainya. Panel penilai terdiri dari seorang pengurus dan empat orang ahli yang akan memberi markah kepada kumpulan yang bertanding. Namun

sebanyak 70% markah datangnya dari panel penilai. Kemudian pemberian markah ini dibuat dalam dua bahagian iaitu: (i) untuk bahagian kreatif adalah 60%, dan (ii) untuk bahagian asli adalah 40%. Seterusnya markah bahagian kreatif dan bahagian asli akan dicampur bagi menentukan peratus markah dari panel penilai. Sedangkan pemberian markah ini adalah berdasarkan kepada keaslian, kreativiti, keseragaman, kostum, dan muzik. Keputusan panel penilai adalah muktamad.

Sebaliknya memilih seorang juri dari setiap kumpulan, dan ia akan dilantik bagi menganggotai Jawatan Panel Penilai. Pencalonan juri disahkan oleh ketua juri terlebih dahulu. Kemudian juri yang dilantik hendaklah hadir pada setiap malam persembahan. Markah yang diberikan oleh juri kepada setiap persembahan ialah berkisar antara satu hingga sepuluh, dan setiap juri pula tidak dibenarkan memberi markah kepada negeri yang diwakilinya. Sebanyak 25% markah datangnya dari juri. Juri yang gagal hadir untuk menilai satu atau lebih persembahan akan dibatalkan. Setiap juri akan memberi markah (peratus) kepada kumpulan secara keseluruhan. Markah dari setiap juri dicampur bagi menentukan peratus markah dari juri untuk setiap persembahan kumpulan.

Para juri tidak dibenarkan berbincang antara satu sama lain, dalam pemberian markah kepada kumpulan dan juri yang dilantik dikehendaki menghadiri taklimat oleh ketua juri dari masa ke semasa. Ketua juri pula mempunyai hak untuk memberi pandangan dan pendapat daripada pengamatannya. Markah bahagian asli dan kreatif akan dicampur bagi menentukan Johan Keseluruhan. Sedangkan markah panel juri pula dan panel hakim akan dicampur bagi menentukan kemenangan dan juara. Kemudian

ketua juri dan juri bersidang sebelum keputusan diumumkan dan keputusan juri adalah muktamad.

Dalam memberikan penilaian, sepertinya terdapat ketidakjelasan atas penentuan bagi kejohanan. misal pemberian istilah bagi menamakan dan membezakan antara ‘johan keseluruhan’ dengan ‘kemenangan’. Pada johan keseluruhan markahnya diperolehi dari campuran kategori tari asli dengan kategori tari kreatif. Sedangkan pada kemenangan markah diperolehi dari campuran markah panel juri dan panel hakim. Bagi penonton umum, perkara penamaan ini agak sukar untuk membezakan bagi menentukan johan keseluruhan dan dengan kemenangan itu.

Bagi format ketepatan waktu pula, pihak urusetia melantik seorang penjaga waktu dan ianya akan dilantik dari kalangan pegawai KKKP. Sebanyak 05% markah datangnya daripada ketepatan penilaian waktu ini. Pembahagian markah dalam bahagian ketepatan waktu adalah seperti (i) tigapuluh minit hingga tigapuluh lima minit sama dengan 05% markah penuh; (ii) tigapuluh enam minit hingga empatpuluh minit tolak (-) 02%; (iii) empatpuluh satu minit hingga empatpuluh lima minit tolak (-) 03%; (iv) empatpuluh enam minit ke atas sama dengan (0) kosong; dan (v) kurang dari duapuluh lima minit tolak (-) 2%. Semua perolehan ini bagi menentukan markah keputusan adalah markah panel penilai, juri dan ketepatan waktu akan dicampur bagi menentukan kemenangan. Namun, ketua panel penilai berhak menentukan pandangan dan pendapat beliau. Meskipun markah keseluruhan ditentukan oleh panel penilai.

5.2.2 Peristilahan Hadiah

Terdapat beberapa jenis istilah, yang dikenali dalam pemberian hadiah sebagai kejohanan, dan penghargaan anugerah selama berlangsungnya FTK. Hadiah-hadiah itu

diberikan kepada setiap kemenangan daripada kumpulan-kumpulan yang menyertai FTK di Kuala Lumpur.⁶⁴ Dicontohkan sebagai istilah kemenangan dan hadiah itu yang terdapat dalam FTK dari tahun 1996 hingga tahun 1999 adalah seperti; Persembahan Terbaik disingkat dengan (PT), Persembahan Terbaik Asli (PTA), Persembahan Harapan (PH), Koreografer Terbaik Asli (KTA), Koreografer Terbaik Kreatif (KTK), Susunan Muzik Terbaik Asli (SMTA), Susunan Muzik Terbaik Kreatif (SMTK), Kostum Terbaik Asli (KtTA), Kostum Terbaik Kreatif (KtTK), TK bererti Tempat Ketiga, SH bererti Saguhati, CM bererti Cenderamata, KJ bererti Khas Juri (lihat carta 5-07).

Kemudian bandingkan dengan tiga istilah lain yang popular dalam masyarakat, bagi menentukan kemenangan, iaitu peringkat kepujian yang dikenali sebagai Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga. Contoh ini seperti diistilahkan dalam kemenangan bagi anugerah pada kes tahun 1992 dan dikenali hanya tiga hadiah sahaja: iaitu (i) Persembahan Terbaik atau Johan, (ii) Persembahan Harapan atau Naib Johan, dan (iii) Tempat Ketiga. Sistem pemberian hadiah ini pula sama seperti yang berlaku di dalam pertandingan tarian pada tahun 1974, 1975 dan 1976 (rujuk carta 5-08).

Carta 5-07:
Anugerah Kejohanan Yang Diperolehi
Selama FTK Tahun 1992-1999

Negeri	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Perlis	*	*	*	*	*	*	*	*
Kedah							PT	
Perak	*	*	*	*	*	*	*	*
Pulau Pinang	*	*	*	*	*	*	*	*
Selangor	*	*	*	*	*	*	*	*
Wilayah Persekutuan	*	*	*	*	*	*	*	*

Negeri Sembilan	TK	PH ⁶⁵	PH		PT, KtTK, SMTK SMTA PH			
Melaka	*	*	*	*	*	*	*	*
Johor	PTA	PT					*	
Kelantan	*	*	*	*	*	*	*	*
Terengganu	*	*	*	*	*	*	*	*
Pahang	*	*	*	*	*	*	*	*
Sabah	PH	KJ	TK	PT	KTK PT		PH	KTK
Sarawak	PT	PTK ⁶⁶ PTA ⁶⁷	PT KTA		KtTA KTA PTA	KTA	KTK	PT

Catatan: Maklumat Kod:

* Sukar bagi mendapatkan data.

PT = Persembahan Terbaik (Johan), PTA = Persembahan Terbaik Asli , PH = Persembahan Harapan (Naib Johan), KTA = Koreografer Terbaik Asli, KTK = Koreografer Terbaik Kreatif, SMTK = Susunan Muzik Terbaik Kreatif, SMTA = Susunan Muzik Terbaik Asli, KtTA = Kostum Terbaik Asli, KtTK = Kostum Terbaik Kreatif, TK = Tempat Ketiga, SH = Saguhati, CM = Cenderamata, KJ = Khas Juri. PTK = Persembahan Terbaik Keseluruhan

Kejohanan dan kemenangan pada penyelenggaraan FTK 1992 hingga 1999 dapat dilihat perbandingan dengan hadiah-hadiah yang diberikan sebagai ‘kepujian’ pada kemenangan semasa pertandingan tarian mengikut kes tahun 1974, 1975 dan 1976. Pada tahun itu istilah yang muncul dan diadakan pada masa pertandingan tersebut hadiahnya ialah.

1) Bentuk hadiah bagi tahun 1974:

- (i) Johan,
- (ii) Naib Johan,
- (iii) Yang Ketiga, dan
- (iv) Pereka Tari Terbaik.

2) Bentuk hadiah bagi Tarian Rampaian tahun 1975:

- (i) Johan,
- (ii) Naib Johan,

- (iii) Yang Ketiga,
 - (iv) Johan Pasangan Joget,
 - (v) Naib Johan Joget, dan
 - (vi) Pereka Tari Terbaik.
- 3) Bentuk hadiah bagi Tarian Rampaian dan Tarian Tradisional tahun 1976:
- (i) Johan,
 - (ii) Kepujian Tarian Rampaian,
 - (iii) Kepujian Tarian Tradisional,
 - (iv) Kepujian Tarian Perekatari Harapan,
 - (v) Johan Tarian Pasangan Inang, dan
 - (vi) Naib Johan Pasangan Inang.

Senarai di atas adalah diturunkan sebagai perbandingan terhadap hadiah-hadiah dan peristilahan yang diberikan selama penyelenggaraan FTK tahun 1992-1999, dan hadiah dan penghargaan dalam kes FTK tersebut dapat dibandingkan dengan hadiah-hadiah dengan data lain yang menunjukkan dalam pertandingan tarian tahun 1974 dan 1975 hanya terdapat empat kategori hadiah, dan pada penyelenggaraan tahun 1976 terdapat lima kategori.

Walau bagaimanapun pelaksanaan program FTK tahun 1996 terdapat satu rancangan pembaharuan, dalam pemberian hadiah dan anugerah, meskipun perubahan itu terjadi segi penamaan daripada kemenangan dan jumlah hadiah yang ditingkatkan sebanyak sembilan bahagian. Kemudian, hadiah ini seterusnya meningkat lagi, apabila dibandingkan dengan data temuan FTK tahun 2001 sebanyak empatbelas bahagian.

Cadangan pembaharuan dan perubahan terlihat sungguh berkesan pada kategori hadiah yang diberikan masa itu. Istilah hadiah tersebut adalah sebagai:

- (i) Kumpulan terbaik; untuk Piala Pusingan Dato' Sabbaruddin Chik.⁶⁸
- (ii) Kumpulan Harapan atau Naib Johan,
- (iii) Persembahan tari asli Terbaik,
- (iv) Anugerah Koreografer Terbaik Kreatif,
- (v) Anugerah Koreografer Terbaik Asli,
- (vi) Anugerah Susunan Muzik Terbaik Asli,
- (vii) Anugerah Susunan Muzik Terbaik Kreatif,
- (viii) Anugerah Kostum Terbaik Kreatif, dan
- (ix) Anugerah Kostum Terbaik Asli.

Perbandingan untuk tahun 1974 iaitu; (a) Johan, dimenangi oleh kumpulan Sri Trina Kuching, Sarawak, (b) Naib Johan, dimenangi oleh kumpulan Majlis Kebudayaan Daerah Johor Bahru, (c) Tempat Ketiga, dimenangi oleh kumpulan Seni Tari Asli Kuala Lumpur, dan (d) Pereka tari terbaik, dimenangi oleh Azmi Mahmud dari kumpulan tarian Majlis Kebudayaan Johor Bahru.⁶⁹ Seterusnya data bagi pertandingan tarian tahun 1975; (a) Johan, tarian rampaian, dimenangi oleh kumpulan Seni Tari Asli Kuala Lumpur, (b) Naib Johan, dimenangi oleh Angkatan Seni Alor Star (ASAS), Kedah, (c) Johan, pasangan joget, dimenangi oleh Azmi Abdullah dan Aura Wong (negeri Pahang), dan (d) Pereka tari terbaik, dimenangi oleh Hassan A⁷⁰ (negeri Kedah).

Kemudian, data untuk tahun 1976 memperlihatkan; (a) Johan, tarian rampaian dan tarian tradisional dimenangi oleh Kartika Sari (negeri Sarawak) dengan tajuk tarian

rampaian Hari Bahagia dan tarian tradisional ialah tarian Datun Julud, (b) Hadiah kepujian tarian rampaian dimenangi oleh kumpulan Sri Minang (Negeri Sembilan) dengan tajuk tarian rampaian Sejambak Budi, (c) Hadiah kepujian tarian tradisional dimenangi oleh Wilayah Persekutuan, iaitu kumpulan Seni Tari Asli Kuala Lumpur, dengan tajuk tarian tradisional Tarian Gamelan, (d) Pereka tari harapan (potential) dimenangi oleh Mahmud Hj Ibrahim, Angkatan Seni Tradisi (SITRĀ), Johor Bahru, (e) Johan, pasangan tarian inang dimenangi oleh T.H.Ooi dan Shanta Harinam, (negeri Perak), dan (f) Naib johan, pasangan tarian inang dimenangi oleh Ranjan dan Enny Chong. dari Wilayah Persekutuan (rujuk Carta 5-08).

Perbandingan mengikut kategori hadiah, kepujian, piala pusingan dan piala iringan tersebut. Berikut ini disenaraikan dengan perbandingan hadiah sebagai melihat kemampuan kumpulan mengikut penamaan pada masa lebih kurang duapuluh tahun sebelumnya.

Carta 5-08:
Perbandingan Hadiah Dan Kepujian Bahagian
Pertandingan Tarian Tahun 1974, 1975, Dan 1976⁷¹

Hadiah dan Kepujian	Negeri yang Menang	Maklumat
Tahun 1974		Pada tahun 1974
Johan '74 Naib Johan Yang Ketiga Pereka Tari Terbaik	Sarawak Johor Bahru Kuala Lumpur Johor Bahru	Diistilahkan: Pertunjukan Perdana diadakan di Dewan Badaraya Kuala Lumpur
Tahun 1975		Pada tahun 1975
Johan Tarian Rampaian '75 Naib Johan Johan Pasangan Joget Naib Johan Joget Yang Ketiga	Kuala Lumpur (Buyong Seloka) Kedah (Setitik Peluh Sebutir Intan) Pahang (Joget Pahang) Sarawak (Joget Serampang Baru) Selangor (Joget Renung-renung Memikat)	Diistilahkan: Persembahan Perdana diadakan di Kompleks Pelbagaiguna Johor Baharu

Pereka Tari Terbaik	Kedah	Hassan. A.
Tahun 1976		Pada tahun 1976
Johan Tarian Rampai dan Tradisional '76	Sarawak	Diistilahkan: Pesta Perdana diadakan di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.
Kepujian Tarian Rampai	Negeri Sembilan	Johan Tarian Rampai dan Tradisional hadiah wang \$
Kepujian Tarian Tradisional	Wilayah Persekutuan	1,000. Piala Pusingan:
Kepujian Tarian Perekatari	Johor Bahru	Allahyarham YAB Tun Haji Abdul Razak Hussein. (Perdana Menteri Malaysia)
Harapan	Perak	
Johan Tarian Pasangan Inang	Wilayah Persekutuan	
Naib Johan Pasangan Inang		

Tetapi dalam pertandingan tarian FTK hadiah dan penghargaan berupa wang tunai, piala, dan ditambahkan dengan sijil pernyertaan merupakan hadiah-hadiah yang menjadi harapan kepada semua kumpulan yang bertanding. Meskipun sebaliknya, yang menarik adalah penghargaan yang tidak terhingga atas nilai yang dapat mereka terima dalam bentuk anugerah selain menyertakan diri menari keperingkat yang lebih tinggi iaitu diperingkat kebangsaan.

Kecenderungan ini boleh dilihat dalam erti ucapan dan kata-kata bagi perangsang untuk memajukan lagi seni budaya di tanahair ini. Perhargaan itu boleh berupa kata-kata ucapan, seperti tertulis, misal sebutan dalam bentuk teks ‘Penghargaan’ ataupun ‘Sekalung Budi’ yang dirakamkan selepas ini. Berikut disenaraikan gaya penulisan dan meninjau mesej yang berkesan bagi memajukan seni budaya itu sendiri dan harapan dengan tulus ikhlas bagi penyelenggara festival ini.

5.2.3 Penghargaan dan Sekalung Budi

Pada buku cenderamata FTK tahun 1993 dan 1995⁷² teks ucapan terdapat di dalam buku, tetapi tahun 1994 data tersebut terdapat di kulit buku. Walaupun terdapat tulisan ucapan terima kasih sebagai tanda penghargaan yang setinggi-tinggi dan

dirakamkannya pula ucapan sekalung budi. Yang mana pada tahun 1993 hingga 1998 penjabat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada masa itu, ialah Dato' Sabbaruddin Chik, masih tertera kata-kata ‘ucapan sekalung budi dan penghargaan’, kecuali bagi tahun 1992.

Sedangkan pada tahun 1999 semasa menteri Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh hanya tertera kata-kata teks ‘sekalung budi’. Masing-masing, pada masa kedua menteri berkenaan turut merasmikan FTK ini sewaktu tugas dan kerja yang dipikulnya. Adapun teks penghargaan dan sekalung budi yang sama pada tahun-tahun tersebut adalah sebagai salinan mengikut naskah asal buku cenderamata setiap tahunnya. Berikut ini disenaraikan beberapa gaya penulisan teks itu.

1. Gaya penulisan bentuk pertama:

SEKALUNG BUDI

Jutaan terima kasih kepada mereka yang memberikan sumbangan dan prihatin dalam menjayakan program ini.

Gugur selasih mekar melati,
Mekar berkembang menawan hasrat,
Terima kasih setulus hati,
Budimu dikenang sepanjang hayat.

[Ini adalah gaya penulisan pada tahun 1993, 1994, dan 1995]

Seterusnya, dalam buku cenderamata tahun 1996 tidak terdapat kata-kata dan ucapan sekalung budi seperti disebutkan di atas. Tetapi hanya tertulis berupa kata penghargaan daripada jawatankuasa pengajur dan jawatan ini merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada badan-badan yang dituju. Penghargaan ini pula tiada terdapat pada buku terbitan tahun 1993, 1994 dan 1995. Namun ucapan penghargaan pada tahun 1996 ditujukan kepada:

2. Gaya penulisan bentuk kedua:

Penghargaan

Jawatankuasa Penganjur merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

Kerajaan Negeri Selangor

Kerajaan Negeri Negeri Sembilan

Kerajaan Negeri Melaka

Kerajaan Negeri Johor

Kerajaan Negeri Perlis

Kerajaan Negeri Kedah

Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri Perak

Kerajaan Negeri Pahang

Kerajaan Negeri Sabah

Kerajaan Negeri Sarawak.

Akademi Seni Kebangsaan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Radio Televisyen Malaysia (RTM)

Persatuan Bulan Sabit Merah

Semua Media Massa

dan

Individu serta kumpulan-kumpulan yang telah menjayakan program ini.

[Ini adalah gaya penulisan pada tahun 1996]

Sebaliknya pula, data tahun 1992 tidak dapat dikesan kerana tiada rekod pada koleksi KKKP, tetapi data tahun 1997, 1998 dan 1999 memberikan ucapan yang sedikit berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Didapati teks yang dimaksud tidak menyerupai seperti dalam tahun 1993, 1994, 1995, dan 1996. Sementara data dalam buku cenderamata tahun 1997 sama seperti dalam tahun 1999, teks tersebut merakamkan seperti:

3. Gaya penulisan bentuk ketiga:

SEKALUNG BUDI

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat dan memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung bagi menjaya dan menyempurnakan pelaksanaan

Festival Tari Kebangsaan 1997.

[*Ini adalah gaya penulisan pada tahun 1997*]

Pada tahun 1998 penghargaan ditujukan kepada:

4. Gaya penulisan bentuk keempat:

PENGHARGAAN

- ❖ Semua Kerjaan Negeri
- ❖ Kementerian Penerangan Malaysia
- ❖ Dewan bandaraya Kuala Lumpur
- ❖ Panggung Negara
- ❖ Akademi Seni Kebangsaan
- ❖ Penjabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri-Negeri
- ❖ Media Massa tempatan, dan
- ❖ Orang perorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

[*Ini adalah gaya penulisan pada tahun 1998*]

Pada tahun 1999 penghargaan ditujukan kepada:

5. Gaya penulisan bentuk kelima:

SEKALUNG BUDI

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat dan memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung bagi menjaya dan menyempurnakan pelaksanaan
Festival Tari Kebangsaan '99

[*Ini adalah gaya penulisan pada tahun 1999*]

Lima gaya bentuk penulisan ini memperlihatkan data penghargaan dan ucapan sekalung budi tersebut menunjukkan pelbagai variasi bagi penulisan ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak seperti dalam teks itu. Ini bermakna kepada pihak mana jawatankuasa penganjur FTK berkerja sama pada tahun-tahun tersebut. Sebaliknya, kepelbagaian variasi teks ucapan penghargaan ini menjadikan corak dan gaya penulisan itu mengikut salinan yang asal dan ia merupakan

seni penulisan teks yang tersendiri dan menarik pada buku-buku cenderamata yang dikaji.

Oleh yang demikian, kata-kata penghargaan ucapan tersebut intinya sangat mengharapkan satu kerjasama yang padu untuk mempertingkatkan lagi perkembangan seni dan budaya. Terutama persiapan, pelaksanaan, dan harapan yang berterusan untuk suatu kemajuan seni tarian dan pertumbuhan kebudayaan di rantau ini. Seperti tajaan oleh syarikat swasta *American Express* dalam program *Malaysian Dance Heritage* bagi menjayakan program seni tarian pada tahun 1975 sedikit masa dahulu (sila rujuk Bab 2, sub judul 2.4).

5.3 SIDANG KEILMUAN

Suatu lagi aktiviti dalam bentuk lain pada program FTK diadakan sidang keilmuan, program ini telah dimula semenjak tahun 1992 sehingga tahun 1997 (rujuk carta 5-09). Meskipun data tahun 1992 tidak dapat dikesan dengan baik untuk mendapatkan tajuk-tajuk yang dibincangkan pada masa itu, dan pada tahun 1995 sidang keilmuan ini diselenggarakan oleh Akademi Seni Kebangsaan Kuala Lumpur. Namun sebaliknya, pada program FTK tahun 1998 dan 1999, sidang keilmuan tidak diadakan pada sesi ceramah ini kerana sebab-sebab yang tidak diketahui dengan pasti. Tetapi berkenaan, yang mana keterangan pengamatan daripada hasil tanggapan para dewan juri dan panel hakim, tahun tersebut tidak dapat pula dihadirkan di sini, kerana tiada data yang berkesan dapat diperolehi.

Selama sidang keilmuan perbincangan difokuskan tentang pengetahuan tari dan muzik, sementara bidang itu dibahagikan kepada lima bahagian selama program FTK dari tahun 1993 hingga 1997, (kecuali tahun 1992, 1998 dan 1999). Di bahagian

pertama; perbincangan meliputi pakaian dan hiasan dalam seni tari sebagai kelengkapan yang penting. Dilanjutkan dengan pengetahuan muzik tradisional dan muzik kontemporari dalam seni tari. Bahagian kedua; meliputi pengenalan sejarah tari, tari Malaysia, muzik untuk tari, teknik tari dan anatomi pencegahan dan kecederaan.

Bahagian ketiga; meliputi pengetahuan teknik tari Melayu, iaitu zapin, inang, joget dan asli, muzik untuk tari, silat tari, teknik tari Sabah, teknik tari Sarawak, serta teknik tari moden. Bahagian keempat; meliputi pengenalan silat seni, teknik tari dan improvisasi, teater tarian Makyong, pengetahuan tarian Sabah, pengetahuan tarian Sarawak, penataan muzik, muzik untuk tari, serta pengetahuan gamelan. Seterusnya bahagian kelima; tiada data diperolehi, melainkan tempat penyelenggaraan bengkel di wisma Belia dan Matic.

Data mengikut topik-topik perbincangan di atas, memperlihatkan bahawa telah berlaku teknik dan cara perkembangan dunia tari Melayu Malaysia iaitu dari suatu pendekatan yang tradisional kepada penantuan tarian yang menggunakan aspek-aspek keilmuan dalam pengkoreografian sebuah tarian yang akan dipertandingkan. Meskipun hasil yang diharapkan masih boleh disempurnakan lagi atas sebab-sebab kemajuan persembahan tertentu bagi sesetengah kumpulan. Ini membuktikan penyelenggaraan sidang keilmuan yang diselaraskan dengan program FTK telah memberikan kemajuan setiap tahunnya.

Carta 5-09:
Topik Sidang Keilmuan, Penceramah
Dan Penyelaras Tahun 1992 Hingga 1997

Topik Sidang Keilmuan	Penceramah	Penyelaras/ Pengurusi
Tiada data diperolehi untuk tahun 1992		

15-17 Jun 1993		
Pakaian dan hiasan dalam seni tari; Muzik tradisional dalam seni tari; Muzik kontemporari dalam seni tari;	Azah Aziz Ariff Ahmad Shuhaimi Mohd Zain	Mohamed Juhari Hj Shaarani
31 Mai hingga 3 Jun 1994		
<i>Keynote;</i> Sejarah Tari; Tari Malaysia; Muzik Untuk Tari; Teknik Tari; Anatomi Pencegahan Kecederaan,	Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid Mohd Anis Md Nor Mohd Anis Md Nor Mohd Anis Md Nor Victor Ganzelies Aida Zurainna Mohd Redza Dayang Mariana Abang B Victor Ganzelies Aida Zurainna Mohd Redza	Ismail Yusof Ridzuan Salam Radzuan Ismail Rosminah Tahir
22 Mai hingga 27 Mai 1995		
Teknik Tari Melayu (Zapin dan Inang- Joget dan Asli); Muzik Untuk Tari; Silat Tari;	Mohd Anis Md Nor Suhaimi Magi Mohd Anis Md Nor Mohd Nasir Hashim Mohd Sahimi Hj Cik Mohd Effendi Samsudin Ku Ahmad Ku Mustafa Mohd Anis Md Nor Suhaimi Magi Ku Zahir Ku Ahmad Ibrahim Senik Zainudin Mohd Yunus Suhaimi Magi (Kumpulan Sabah) Suhaimi Magi dan (Kumpulan Sarawak) Aida Zurainna Mohd Redza, dan Ng Mei Yin	Mohd Anis Md Nor Norliza bt Rofli
30 Julai hingga 2 Ogos 1996		
Silat Seni; Teknik Tari dan Improvisasi; Mak Yong; Tarian Sabah; Tarian Sarawak; Penataan Muzik; Muzik Untuk Tari; Gamelan;	Anuar Ab. Wahab Aida Zurainna Mohd Redza Khadijah Awang (Kumpulan Sabah) (Kumpulan Sarawak) Suhaimi Mohd Zain (tidak dikenali) Ahmad Omar	Norliza bt Rofli Suhaimi Magi
4 hingga 6 Jun 1997		
Tidak ada data, hanya sahaja Maklumat ⁷³	Mohd Anis Md Nor Ramli Mohd Iman Suhaimi Magi Mohd Amir Halim Jodeph Gonzales Aida Zurainna Mohd Redza Mew Chang Tsing	Mohd Anis Md Nor Zulkarnain Ramly
Pada tahun 1998 tidak diadakan sidang keilmuan ⁷⁴		

5.4 PENGERUSI ATURCARA

Dalam setiap persembahan tari FTK pengerusi aturcara didapati dua orang yang dipilih dan bertindak sebagai *master of ceremony* (MC) dan mereka lebih dikenali sebagai juruhebah atau jruacara.⁷⁵ Seorang jruacara akan mengantar dan membacakan susunan acara pada setiap malamnya dengan gaya dan bahasa yang dimilikinya masing-masing. Komunikasi akan terjadi dengan penonton apabila mereka menyampaikan sinopsis, maklumat, ulasan dan juga beberapa pantun-pantun. Terutama sekali semua susunan acara itu disampaikan dengan menggunakan bahasa Malaysia dan sekali sekala menggunakan bahasa tempatan, seperti logat bahasa lokal negeri-negeri tertentu misal dialek Perak atau Negeri Sembilan. Bahasa Inggeris pula digunakan apabila didapati pada tahun-tahun tertentu persembahan FTK dihadiri oleh bangsa asing, seperti dari Korea, Jepun dan United Kingdom. Ataupun kadangkala jruacara ini berkomunikasi dengan penonton, turut menyertakan istilah bagi jok-jok tertentu yang melucukan sehingga orang ramai akan tertawa.

Di antara kes FTK ini memperlihatkan bahawa jruacara yang dipilih adalah seorang yang telah mempunyai kemahiran dalam bidang juruhebah. Kemampuan ianya di bidang ini telah dibuktikan dan terlihat setiap tahunnya bahawa seorang jruacara lelaki selalu menyertai FTK ini bersendirian, dan hanya berpasangan dengan seorang jruacara perempuan mengikut kes FTK tahun 1998 di Kuala Lumpur dan tahun 2001 di Shah Alam.

Meskipun sambutan pada susun kata awal juruacara, kadangkala memberi kesan sedikit kurang menarik untuk boleh mereka menghantarkan sebuah persembahan tari, berbanding dengan acara rasmi. Biasanya seorang yang bersikap sebagai juruacara hendaklah dapat menghidupkan suasana dalam keriangan penuh kegembiraan, di samping mereka menghantarkan beberapa maklumat berkenaan dengan tertib mengikut susunatur persembahan. Ini adalah penting untuk menjelaskan maklumat kepada penonton seperti apa yang akan berlaku dari satu program ke program yang lain. Sebagai contoh maklumat yang disampaikan misal dalam kes FTK tahun 1995 seperti “festival ini dirakamkan oleh TV 7 Kuala Lumpur, kerja sama sangat dihargai, apabila terdapat para penonton menggunakan talipon bimbit dan alat kelui harap dimatikan agar jangan mengganggu jalannya persembahan”. Namun ulasan yang baik dan sifatnya membangun perlulah disertakan oleh juruacara seperti yang dicontohkan ini. Di mananya ianya harus memberitahukan sesuatu perkara untuk memberi kesan kelainan, dengan gayanya yang khas sebagai seorang juruacara.

Kelainan yang menyenangkan ini akan mendapat sambutan berbalas pula daripada penonton. misal satu kes iaitu diperkatakan “sepertinya buaya kepang”. Maksudnya kes itu adalah untuk mempersendaguraukan alat tarian kuda kepang yang tidak berekor ditarikan oleh sesuatu kumpulan. Atau contoh yang lain misal “Nyonya-nyonya di Pulau Pinang, lain sedikit dengan nyonya-nyonya di Melaka”. Ucapan ini bermaksud memperkatakan bahawa kumpulan dari Pulau Pinang turut juga menarikan tari dondang sayang seperti dikenali ramai di Melaka. Contoh yang lain lagi seperti memperkatakan ‘bakul tempe’ kerana persembahan dari kumpulan Selangor banyak

menggunakan bakul sebagai alat tarian, dari hebahan itu menjadikan suasana penonton lebih riuh dan gamat sekali.

Terdapat juga kesan memberikan maklumat seperti “Tiket pecuma, kalau ada yang jual *black market* jangan beli”. Contoh yang lain lagi, seperti memperkatakan “bahawa penari-penari dari Melaka ianya keturunan Hang Tuah, Majapahit, Hang Li Poo dan Alfanso”. Ini bermaksud yang mana persembahan dari kumpulan tarian Melaka mengingatkan selalu, dalam mesej tariannya, kepada pertembungan sejarah negeri Melaka dengan hal disebutkan itu.

Bagi memberi kesan-kesan pertandingan agar lebih meriah, melalui pantun-pantun pula juruacara akan menyampaikan seperti:

Dari Johor kita ke Kedah,
Singgah ke Perlis membeli mangga;
Fastival tari bertambah meriah,
Sukar dipilih siapa kah juara.⁷⁶

Berikut perkara penamaan dan pencapaian dalam persembahan kes negeri Melaka tahun 1996, ulasan pantun bagi pertandingan tarian ini turut juga disampaikan seperti:

Dondang bukan sembarang dondang,
Dondang sayang dari Melaka;
Datang bukan sembarang datang,
Datang berhajat nak jadi juara.⁷⁷

Sedangkan pantun yang berbentuk sendagurai dan mengangatkan suasana pertandingan, misal diucapkan seperti:

Pulau melingkau di atas likau,
Datang si nyonya dikejar baba;
Melihat tuan hati berdebau,
(*Gadis Melaka, ramping-ramping pinggangnya!*)⁷⁸

Namun, dibalik itu terdapat lagi gaya pembacaan sinopsis tarian yang berbentuk teks seloka, dan teks ini diperkatakan oleh juruacara sebagai peringatan yang ditujukan kepada penonton dan para hakim. Bentuk sinopsis yang bersusun seloka ini ditulis seperti kes kumpulan negeri Kedah tahun 1994, ialah:

Wahai penonton yang kami mulia,
Sebelum tirai ini di buka,
Jika terdapat silap dan salah,
Jutaan maaf kami pasrah,
Overture kami Cinta Sayang,
Nama lagu dahulu kala,
Zaman berganti irama tercela,
Gerak tarinya tetap terpelihara,
Nasib Panjang lagu asli,
Gambus Joduh lagu kedua,
Dua-dua tarian ini ciptaan sendiri,
Kami rasa tak tiru siapa-siapa,
Bahagian kreatif Inang Kelebang,
Tarian buat bendang lagu kedua,
Dondang Sayang, jangan marah Johor,
Kamipun juga buat Kuda Kepang,
Layang Mas moden, maaf Perlis,
Kami cuma buat dua minit saja,
Rodat tarian dari Terengganu,
Kami rasa kami tahu,
Lambaian Malaysia tarian campuran,
Tariannya pun banyak olahan,
Finale lagu Ole-ole [*Oleh-oleh*],
Lodeh mak lodeh joget Selayang Pandang,
Tahun-tahun lepas bawa balek hadiah saguhati,
Tak kan tahun ini tak dak bawa apa-apa nak sandang,

(*Jadi kepada juri-juri!*)

Wahai para-para juri-juri yang bijaksana!
Masa menonton jangan pula lena,
Kalau tak tahu nak raih yang mana,
Dah menang bagi can member lain sama,
Pulun Kedah pulun,
(*Kita saksikan Badan Kesenian Kedah*).⁷⁹

Satu kes lain yang menarik dipilihkan daripada kumpulan Selendang Perak tahun 1994. Iaitu susunan sinopsis berbentuk rangkaian pantun dan seloka yang tidak beraturan mengikut susunan rima, seperti:

Tebu berbuku ruas bertali menali,
Sirih memanjat diranting kayu,
Mengantar langkah gerak disusuli,
Itulah warisan budaya Melayu,
Puteri memakai kebaya labuh Perak
Bersanggul satu lipat pandan,
Beradun hias cucuk sanggul seri bunga,
Putera pula memakai sepasang baju berjalur,
Potongan cekap musang,
Bersamping labuh kain berpetak Batubara,
Bertandak gerak disusun seri,
Seri berpandang menambat hati,
Asli dan Inang pilihan kumpulan ini,
Itulah syarat yang dimesti,
Berdasarkan lagu gurindam jiwa.
(*Kita saksikan kumpulan Selendang Perak*)!⁸⁰

Pada bahagian tertentu, meskipun juruacara telah mengajak para penonton untuk bertepuk tangan sebagai sokongan dan penghormatan bagi kumpulan yang diperkatakan, namun tepuk tangan tersebut adalah sukar diperolehi. Mengikut kes di atas, di sini kenyataan suasana seperti itu tampaknya biasa berlaku di mana-mana majlis persembahan kesenian dan hiburan. Perkara ini merupakan suatu sikap sesetengah masyarakat yang tidak terpuji bagi menghargai kebudayaannya sendiri.

Di bahagian yang lain pula, ada kesan yang muncul di mana juruacara bersikap praktis di dalam memberikan nilai penghargaan terhadap memilih bahasa yang disampaikan kepada penonton. misal ulasan yang bersifat kritisisme dan sinisme dalam sesetengah suasana kegiatan FTK, iaitu pada malam-malam mereka membawakan acara. Adakalanya didapati bagi memberikan kritikan yang dikomentari itu

disampaikan berkesan dalam suasana kurang pada tempatnya. Walaupun jruacara tersebut telah bertutur dalam bahasa yang baik, tetapi tidak mencerminkan basa basi dengan cara yang lazim mengikut adat satun cara orang Melayu.

Misalnya, menyindir dalam bahasa tertentu yang akibatnya sedikit kurang kena pada situasi yang demikian, apabila di dengar bagi sesetengah penonton dalam memahami bangsa dan budaya Melayu. Pada suasana lain mungkin jenis persembahan berbentuk ‘barat’ atau persembahan hiburan yang semata-mata bercorak budaya popular pemilihan bahasa juruhebah barangkali boleh sedikit agak bebas. Kes seumpama ini barangkali tidak tepat diperkatakan di sini, banyak pilihan yang lain bagi jruacara tarian supaya mempelbagaikan lagi bahasa ‘tutur sapa’ yang disampaikan mengikut budi pekerti masyarakat rantau ini. Apatah lagi persembahan *seni budaya* seperti itu ianya telah mempunyai ciri-ciri yang mantap mengikut etika persekitaran budaya Melayu itu sendiri.

Walau bagaimanapun kesan yang disampaikan oleh jruacara seperti harapan, mengajak, menasihati, memberi maklumat, menyanjung, menyindir, berpromosi, dan sedikit berpolitik, di antara kesan-kesan itu dapat dirasakan dan ia tersirat dalam susunan pilihan ayat setiap kali jruacra mengantarkan dan mengulas ucapan sebelum dan sesudah satu persembahan itu berlalu. Walau bagaimanapun cara penyampaian ini adalah sangat dipujikan kerana suara mereka sungguh jelas dan lantang dalam gaya yang puitis dan juga menyertakan budaya berpantun hampir setiap malam persembahan. Oleh kerana itu, menjadikan seseorang jruacara lelaki tersebut bertahan selama sembilan tahun sebagai jruacara FTK, berbanding dengan jruacara yang lain yang perempuan.⁸¹

Dicontohkan, Chuari Selamat berucap dan menamakan bahawa persembahan tari kreatif dari kumpulan Sarawak tahun 1998; dikatakan “kumpulan itu penari-penarinya seksi tetapi ianya masih dalam kategori U (Umum); dan bukan kategori F-18 (untuk orang dewasa)”.⁸² Meskipun penyampaian bersuasanakan itu berkesan, sedikit dengan menggunakan gaya bahasa yang agak latah. Suasana ini dapat diungkapkan juga dalam acara FTK sebagai mana untuk memberi kelainan, dan ia mengharapkan tindak balas daripada penonton. Kesan ini walaupun berbentuk himbauan, setelah melihat dan mengulas daripada persembahan kumpulan negeri Sarawak yang dicontohkan itu.

Noraini Ibnu pula berlaku sebagai juruacara perempuan pada tahun 1998. Semasa memaklumkan satu maklumat kepada penonton, bahawa “satu keistimewaan Festival Tari Kebangsaan 1998 ini adalah dikeranakan oleh Festival Tari Kebangsaan ini telah diangkat tarafnya ke dalam program di bawah Pesta Kebudayaan Komanwel Kuala Lumpur ‘98”. Kesan ini bagi juruacara tampaknya sedikit berpromosi dalam ekspresi yang ceria, sembari tertawa dan memberi rasa bangga dihatinya. Apatah lagi beberapa kerat pantun yang diucapkan berkesan mantap untuk menyerikan lagi suasana persembahan malam itu. Namun sebaliknya, pantun-pantun lain juga diselitkan dalam beberapa sinopsis yang dibaca dan disampaikan tetapi juruacara persembahan turut juga memperkuat suasana pertandingan dengan pantun-pantun yang mereka olah sedemikian rupa. Penyampaian pantun di sini oleh juruacara tersebut kadangkala berkesan untuk memberi semangat meskipun sedikit agak mengejek bagi mendapatkan tindakbalas dari penonton dalam menjadikan suasana itu sebagai sambutan berbalik. Kelainan suasana ini hanya terdapat pada bahagian-bahagian tertentu sahaja, bilamana di antara

kumpulan yang bertanding itu dirasakan perlu mendapat komen dari juruacara. Ternyata tidak semua pantun, komen, himbauan dan maklumat berlaku pada masing-masing program acara yang dipersembahkan. Suatu yang membanggakan di mana teks pantun yang diucapkan oleh Chuari Selamat dan Nuraini Ibnu mengukuhkan lagi semangat bertanding walaupun agaknya berkesan menyindir dalam konteks membangunkan suasana festival. Daripada teks pantun itu biasanya diucapkan selepas sebuah persembahan dilaksanakan yang pada awalnya dirangkaikan dengan sedikit ulasan bagi menserikan suasana pada setiap malamnya.

Adapun teks pantun dimaksudkan ialah lebih banyak terdapat dalam persembahan kategori tari asli berbanding dengan kategori tari kreatif. Di sini, antara pantun-pantun itu dipilihkan mengikut contoh pada kes FTK kumpulan negeri Perak dan negeri Perlis seperti:

1. Bagi juruacara oleh Chuari Selamat.

- 1) Kes untuk kumpulan negeri Perak:-
Makan temboyon di Kuala Kangsa,⁸³
Singgah di Kota mengait rambutan;
Kumpulan Selendang Perak berminat besa,⁸⁴
Johan Asli menjadi rebutan.⁸⁵

Mesej maklumat dalam pantun di atas berkesan memberi semangat juang kepada pasukan yang bertanding.

2) Kes untuk kumpulan negeri Perlis:-

- (1) Itik bukan sembarang itik,
Itik Perlis semua cantik-cantik.⁸⁶

Mesej maklumat dalam pantun ini berkesan sedikit menyindir, meskipun ada pergerakan tarian yang “menyerupai itik-itik dari utara yang sedang berjalan”. Namun

sebaliknya penonton memberi aksi dengan tertawa dan gemuruh kerana mereka memahami suasana seperti pantun berikut.

- (2) Dari kana⁸⁷ ke hutan Haji,
Singgah di Cuping membeli gula;
Kristal Kirana telah teruji,
Wakil pertama dari utara.⁸⁸

Mesej maklumat dalam pantun tersebut berkesan memperkenalkan nama kumpulan dari negeri Perlis dan memantapkan semangat untuk menyertai pertandingan pada tahun itu.

2. Juruacara Noraini Ibnu.

- (1) Pagi raya makan ketupat,
Ketupat nasi dikerat-kerat;
Kita bertanding mencuba bakat,
Mesra terjalin bertambah erat.⁸⁹

Mesej maklumat dalam pantun ini berkesan memberi semangat dalam berbudaya dan perpaduan semua kaum.

- (2) Malam berendang sama ketupat,
Ketupat pulut daun palas;
Pupuk minat kembangkan bakat,
Usaha gigih janganlah malas.⁹⁰

Mesej maklumat dalam pantun ini berkesan memberi semangat perjuangan dan nasihat kepada kumpulan-kumpulan yang bertanding.

3) Kes untuk tari kreatif tahun 1998

- (3) Dari Deli ke halaman pak Latif,
Dari Asli ke bahagian kreatif.⁹¹

Mesej maklumat dalam pantun dua kerat di atas pula berkesan memberi maklumat sebagai tanda peralihan persembahan dalam program yang disampaikan itu. Ada kesan semasa mengantarkan setiap pembacaan sinopsis tarian yang sebelumnya teks diserahkan oleh setiap ketua kumpulan. Dalam hal ini pengkaji berpendapat, ada

semacam dugaan di mana sinopsis tersebut berkesan sesetengahnya ditulis, ditambah, dan diperbaiki semula oleh juruacara melalui tanya-jawab antara juruacara bersama jurulatih dan juga kepada ahli-ahli kumpulan itu.

Bagaimanapun sesetengah kesan tiada menampakkan bahawa kelengkapan tulisan dan yang menyiapkan sinopsis itu bukan berasal daripada kumpulan masing-masing negeri. Meskipun terdapat juga di antara masing-masing kumpulan telah menyerahkan teks sinopsis itu kepada pengajur atau langsung diberikan kepada juruacara sebelumnya. Beberapa perkara ini perlu jadi perhatian bagi kajian ini dan ianya terbukti daripada gaya bahasa yang disusun antara Chuari Selamat bersama dengan Noraini Ibnu sebelum mereka berdua menyampaikan maklumat susunan acara persembahan tersebut.⁹²

Oleh yang demikian, bahagian ini dapat dikatakan bahawa melalui pantun dan ulasan daripada seseorang juruacara menjadikan sebuah festival itu lebih hidup dan menciptakan suasana riang yang ceria. Namun melalui pantun-pantun yang jenaka, serta pembacaan sinopsis tarian itu dapat memperjelas makna dan mesej-mesej tertentu boleh disampaikan untuk memperjelaskan lagi jalannya sebuah cerita tarian, iaitu mengikut perlambangan gerak geri yang disusun pada sebuah koreografi tari itu.

5.5 PERSEMBAHAN GABUNGAN DAN SELINGAN

5.5.1 Persembahan Gabungan

Pada tahun 1992 dalam program FTK dikesan terdapat satu peristiwa bentuk persembahan khas iaitu persembahan gabungan. Persembahan gabungan ini merupakan rangkaian persembahan koreografi yang pertama kali dipersembahkan dan ia pula difungsikan bagi menserikan pertandingan FTK. Bagi tahun itu di mana kumpulan

bentuk persembahan gabungan telah dipilihkan daripada Kumpulan Kompleks Budaya Negara (KBN) Kuala Lumpur.⁹³ Kumpulan KBN ini pada masa itu turut mempersembahkan antaranya tarian pesta, embun sosek, wau bulan, serampang laut, dan pong-pong along.⁹⁴ Kerana suatu sebab lain barangkali kumpulan ini yang berkebolehan menyertai persembahan gabungan itu dan ia tidak dipertandingan, tetapi hanya sahaja dijemput sebagai artis tarian untuk meraikan FTK tahun 1992 itu.

Kemudiannya pada tahun 1993 hingga 1997 persembahan gabungan ini terhenti, kemudian pada tahun 1998 diadakan semula. Persembahan gabungan di tahun 1998 hanya mempersembahkan bahagian daripada ragan-ragam gerak geri dan beberapa jenis muzik bagi mengantarkan persembahan tersebut sebagai pembuka festival pada malam pedana di tahun itu. Dalam persembahan gabungan ini antaranya terlihat mempersembahkan satu rangkaian koreografi yang meliputi bahagian tari-tarian Malaysia yang beraneka corak Ditambahkan dengan persembahan silat dan beberapa motif gerak tarian sembah, lenggang, zapin, ngajat, dan datun julud. Tarian gabungan itu dipersembahkan bersamaan dengan muzik yang dikomposisikan dengan baik, antara alat yang digunakan ialah gambus, sape, serunai Kelantan, gendang, kompong, serta muzik menyerupai kulintang dari negeri Sabah. Namun persembahan dapat diperagakan dengan aneka pakaian tari mengikut tariannya dengan irama muzik berkenaan bagi penyesuaikan pula kepada karektor gerak masing-masing gaya tarian yang dipilih.

Koreografi tari yang dihasilkan dalam persembahan gabungan ini, sepertinya merupakan satu persembahan yang direka khas dalam masa cukup singkat dan kemudian disusun oleh penari antara ahli kumpulan yang menyertai FTK. Ahli-ahli

kumpulan tarian gabungan yang menyertai persembahan ini pula terdiri daripada kumpulan negeri Sarawak, Pulau Pinang, Johor, dan Kedah. Walau bagaimanapun yang ditunjuk sebagai koreografer yang berpeluang untuk menyiapkan persembahan gabungan tersebut, ialah Onn Jafaar dari negeri Johor dengan gayanya yang khas membolehkan ia menyusun koreografi itu. Tetapi sebaliknya, setelah sembilan⁹⁵ tahun FTK diselenggarakan di Kuala Lumpur dan sekali di Shah Alam Selangor, ternyata pada tahun 1998 itu baru diadakan semula selepas pertama kalinya tahun 1992 sebagai mana persembahan gabungan ini dikenali dengan tarian gabungan bagi pembuka acara festival tari.

Persembahan tari gabungan ini tampaknya berfungsi untuk acara utama sebagai pembuka tirai semasa dilaksanakan program persembahan pada malam pertama FTK tahun 1998 itu. Idea persembahan gabungan ini seperti kes FTK 1992 dan 1998 merupakan sesuatu yang menarik dari segi diadakan festival kebudayaan tarian yang diselenggarakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, barangkali dapat diadakan satu bentuk persembahan yang serupa dengan yang dikoreografikan itu, bagusnya dipersembahkan dengan menambah lagi beberapa tari gabungan yang khas yang lain.

Misalnya tarian bentuk lain daripada gerak yang bergayakan tarian berstruktur, seperti tarian tradisional atau tari lepas kreatif lainnya. Maksudnya mungkin sahaja sebuah bentuk koreografi tari baru boleh disusunkan mengikut dasar kepada tingkat kreativiti seseorang koreografer, yang sedikit telah melebihi beberapa aspek, terutama dalam erti segi penyusunan teknik koreografi. Perkara seperti ini menekankan kepada sesuatu idea baru dan memberi pula kelebihan motivasi pada aspek persembahan sehingga menjadi perbandingan kepada tarian itu yang dinyatakan amat luarbiasa dari

masa ke semasa. Boleh sahaja hasil susunan koreografi tersebut dalam bentuk karya yang disusun ulang menjadi tarian baru dalam ciptaan sebagai tarian kontemporari. Jelasnya, dari segi tema tarian ia dapat menyatukan idea dan mesej secara keseluruhan terhadap rancangan tema-tema tarian yang dipilih pada program per tahun daripada setiap program FTK tersebut diadakan.

Ertinya, sebuah tarian gabungan itu dalam persembahan utama tersebut yang disusun sebaik sahaja dapat mewakili bentuk dan gaya yang kesan akhirnya sedikit telah mempunyai kelainan dalam persembahan pentas FTK. Ini bermaksud supaya persembahannya itu ‘ada kelas’ secara peringkat kebangsaan agar ia membezakan dengan persembahan dari masing-masing negeri. Oleh itu dinyatakan, persembahan gabungan dan juga tarian gabungan ini dapat dijadikan sebagai satu contoh bagi setiap penari, koreografer dan penonton, melalui hasil persembahan itu ia berpeluang dipersembahkan dan dapat pula dipedomani sebagai sebuah koreografi utama dan menjadikan persembahan istimewa pada tahun-tahun dikemudiannya.

Oleh sebab koreografi yang tercipta sedemikian dapat mewakili persembahan yang dipersembahkan secara perdana pada setiap program FTK. Di samping itu, pemilihan penari-penari yang menjadi wakil kepada negerinya dalam persembahan koreografi gabungan utama ini, mungkin dipilihkan daripada penari-penari yang berprestasi. Namun sebaliknya, terhadap penari yang akan menyertai persembahan gabungan diharapkan berupaya dan berusaha ke masa depan sebagai wakil negeri dan wakil kumpulan masing-masing yang menyertai persembahan pada setiap tahun berlangsungnya FTK.

Keberkesanannya yang diperolehi dari cara pemilihan ini, bererti sesiapa yang menyertai pada persembahan gabungan ia akan berkesan sebagai kenangan. Dan dirasakan pula akan menjadi satu prestasi atas peribadi dirinya sebagai kayu ukur dalam pengalaman apabila mereka menari dalam kumpulan ini secara bergabung. Oleh yang demikian, usaha ini menempatkan penari-penari tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Iaitu terpilih sebagai penari utama dalam persembahan istimewa yang menjadi impian manakala berkesempatan menari pada peringkat kebangsaan. Daripada gagasan tersebut menjadikan minat dan pencapaian untuk menari dalam persembahan gabungan itu adalah satu wadah yang bertujuan supaya berstatus tinggi bagi seseorang penari di negara ini. Diharapkan hendaknya mereka berhasrat dan berkeinginan agar dapat seterusnya terpilih menyertai sebagai penari dalam bahagian-bahagian persembahan gabungan yang diadakan pada setiap FTK.

Secara teknik bagi rekaan tarian, seseorang koreografer yang ditunjuk membuat koreografi persembahan gabungan itu adalah seseorang yang telah pula diiktiraf karya tariannya sebagai koreografer diperingkat kebangsaan. Ia dapat penilaian sebagai berkelayakan untuk menghasilkan karya tari itu dalam persembahan perdana. Daripada koreografi yang dihasilkan, kemudiannya tari itu boleh dijadikan sebuah tarian yang dirujuk oleh orang-orang ramai di Malaysia sebagai sumber gagasan dan inspirasi baru dalam pelaksanaan setiap program FTK diadakan. Barangkali sahaja idea tarian itu, mestilah sesuatu yang baru dan bertema mengikut tahunnya, dan dapat disiapkan dengan kadungan mesej tersendiri yang dipilih dan disesuaikan mengikut rancangan program serta dikandungi oleh falsafah budaya Melayu.

5.5.2 Persembahan Selingan

Di segi yang lain lagi, apabila melihat kepada kes persembahan FTK tahun 1993, terdapat satu program tambahan. Program tambahan itu diselenggarakannya suatu Persembahan Selingan. Antara kumpulan yang berkesempatan mengambil bahagian dalam mempersembahkan tarian pada persembahan selingan ini ialah kumpulan KBN dan kumpulan ini telah membuat persembahan selingan pada FTK tahun 1993. Sedangkan pada tahun 1996 persembahan selingan yang dipersembahkan diwakili oleh kumpulan Muzik Caklempong Tradisional⁹⁶ dari Beranang, Negeri Sembilan dan ia telah pula diberi peluang mengadakan persembahan dalam meraikan program FTK di tahun ini. Kemudian bagi melengkapai FTK pada tahun 1998 persembahan selingan yang dipentaskan dijemput kumpulan Tunas Budaya dari Pulau Pinang. Bersamaan dengan itu menjemput pula Kumpulan Gambus yang dipimpin oleh Fadhil Ahmad, dan kedua kumpulan ini dipersembahkan dalam satu rangkaian yang menyatu bagi menserikan suasana festival.

Memahami tentang persembahan selingan ini, adakahanya bagi sesetengah masyarakat atau kumpulan tertentu menanggapi bidang persembahan selingan ia agak bermaksud bererti lain untuk memperkatakan persembahan tersebut. Kadangkala persembahan selingan ini diistilahkan sebagai persembahan ‘anak bawang’ dan atau sebagai sebutan ‘mentimun bungkuk’ di mana bentuk sajian ini yang tidak mendapat perhitungan di segi persembahan tertentu, apabila kemampuannya di bawah peringkat bagi ukuran persembahan peringkat kebangsaan. Maksudnya, sebuah persembahan selingan ia akan berkesan sebagai sajian pelengkap sahaja dan tidak menempatkan dirinya (persebahan itu) sebagai yang penting dan terhormat dalam senarai jadual

persembahan FTK. Kerana persembahan selingan ini tidak dinyatakan dalam buku cenderamata, dan hanya tiba-tiba muncul sebagai persembahan selingan di pentas setelah disampaikan oleh juruacara pada masa itu.

Sebenarnya tujuan persembahan selingan sedemikian dalam konteks *performing Arts* adalah penting juga, dan ia telah ditempatkan sebagai sutu persembahan seni yang istimewa dan bermakna kerana alasan-alasan tertentu ia dijemput untuk membuat persembahan bersama secara lebih terhormat. Gejala seperti ini pada kebanyakkhan persembahan seni tarian di Malaysia dan (juga di Indonesia) dalam suatu festival, bagi masyarakat persembahan ini kadangkala dianggap sesuatu yang tidak bererti, seperti seumpamanya diperkatakan sebagai anak bawang atau mentimun bungkuk sebelum ini. Bahkan agak tampak dilecehkan dengan meninggalkan sebahagian tempat duduk oleh penonton, dan seterusnya persembahan itu dari sesetengah penonton dikomentari pula dengan kata-kata dan bahasa yang tidak berpatutan serta mereka bersorak-sorai sepertinya berkesan memandang agak negatif.

Dapatan kajian dalam tahun 1998, barangkali satu alasan dan dugaan diberikan di sini: sebenarnya dua kumpulan Tunas Budaya dari negeri Pulau Pinang dan kumpulan Gambus-Fadhil Ahmad dari negeri Johor adalah diminta bagi mengambil bahagian untuk persembahan selingan ini, ialah kerana pada malam persembahan terakhir daripada kumpulan peserta yang bertanding terdapat hanya dua kumpulan sahaja. Barangkali dalam pemikiran lain untuk memenuhi dan pengisian masa yang masih banyak tersisa, maka dirancang sebuah persembahan selingan di malam penutupan FTK tersebut. Oleh itu, maka dipersembahkanlah dua kumpulan kesenian Tunas Budaya dan kumpulan Gambus sebagai persembahan selingan dalam pelbagai

gaya dan corak,⁹⁷ untuk mengisi masa-masa yang kosong bagi menunggu hasil yang menjuarai pertandingan pada tahun itu. Satu lagi manfaatnya mungkin dua bahagian persembahan ini boleh memberikan satu sokongan atas motivasi dan peningkatan apresiasi bagi para penonton pada malam tersebut. Sedangkan di malam perasmian pada awalnya adalah dengan melihat persembahan tarian gabungan sebagai mengenali ragam-ragam tarian yang akan bertanding.

Di sini dapat dikatakan antara persembahan gabungan dengan persembahan selingan, adalah dua persembahan yang sungguh berbeza satu dengan yang lain dalam keperluan menyemarakkan pementasan FTK ini. Pada persembahan gabungan pemilihan ahli penyertaan lebih ditekankan daripada peserta wakil negeri-negeri, sedangkan pada persembahan selingan para pesertanya diambilkan daripada artis-artis yang didatangkan dan dijemput khas di luar ahli penyertaan FTK itu.

Tetapi sebaliknya bagi FTK pada tahun 1993 hingga 1997 dan tahun 1999 yang datanya sukar diperolehi untuk mengenali bentuk persembahan itu. Kecuali untuk data tahun 1992 sebagai mengenali persembahan gabungan atau tarian gabungan. Pada tahun 1998 dikenali terdapat dua bentuk persembahan gabungan dengan persembahan selingan. Namun dikesali dalam buku cenderamata tidak ada sebarang maklumat berkenaan bentuk persembahan tersebut. Hanya sahaja untuk tahun 1992 dapat dikesan melalui maklumat keratan akhbar Berita Harian 28 Mei 1992, dan maklumat untuk tahun 1998 diperolehi melalui analisis videografi simpanan KKKP.

Walau bagaimanapun maklumat persembahan gabungan dan pesembahan selingan ini penting diperlukan bentuk persembahannya sebagai perbandingan atas pertumbuhan tarian di setiap FTK yang diselenggarakan, dan juga ia boleh dijadikan

kajian bersendirian pula untuk menentukan bentuk dan gaya persembahan yang berlaku dari masa ke semasa. Dalam persembahan tari selingan ini terdapat sesuatu gaya yang membolehkan para koreografer memperolehi idea tambahan dan mendapatkan data yang berguna untuk menelusuri perkembangan komposisi koreografinya.

5.6 KERATAN AKHBAR DAN MAKLUMAT GAMBAR

Sebuah festival tari sebaik sahaja memerlukan publisiti, sebagai bidang penyampai maklumat aktiviti budaya untuk diperkenalkan kepada orang ramai melalui media masyarakat dan maklumat seperti surat kabar dan gambar-gambar.⁹⁸ Sebuah seni persembahan akan berjaya bilamana publisitinya berjalan dengan lancar dan tepat. Di segi yang lain, fungsi publisiti merupakan tempat menghimpun kenangan yang mempunyai bukti-bukti jelas untuk merakamkan suatu program persembahan tari. Tetapi sebagai kenangan dalam aktiviti FTK ini, alangkah baiknya kenangan kepada aktiviti terdahulu turut ditinjau untuk mendapatkan gambaran yang jelas atas kenangan tersebut. Melalui cara itu ia boleh dirujuk semula, dan apa-apa yang telah berlaku pada tahun-tahun sebelumnya. Meskipun data FTK yang diperoleh dan dicontohkan oleh pihak pengajur sendiri, hanya banyak mendedahkan dalam bentuk suasana laporan sebagai imbas tentang gambar-gambar nostalgia kejohanan yang diperolehi pada masa tahun-tahun berlalu.⁹⁹

Keberkesanan yang baik dan menguntungkan terhadap pihak akhbar-akhbar seperti akhbar Berita Harian, Utusan Melayu, Metro dan *New Straits Times* sesetengahnya memberikan beberapa ulasan dan maklumat yang berharga berkenaan dengan program FTK diselenggarakan di Kuala Lumpur. Sebagai contoh diturunkan

tajuk rencana yang ditulis untuk tahun 1992 dan tahun 1993. Antara tajuk-tajuk berita Akhbar pada tahun 1992 yang diturunkan oleh Berita Harian, Utusan Malaysia, dan Metro antaranya ialah: Memelihara Warisan Seni, Tarian Melayu Pupuk Perpaduan Kaum, Sarawak Juara Tarian, Pesta Tarian; Hasrat Kementerian Tercapai, dan Sarawak Juara Peperangan Seni di Pentas DBKL. Sedangkan tajuk berita akhbar untuk tahun 1993 menulis antaranya ialah: Gabungan Seni dan Tradisi, *Feast of Traditional Dance*, Tarian Jadi Jambatan Perpaduan, Johor Unggul Dalam Festival Tari, dan Sintesis Seni 13 Negeri.

Di sini peranan surat khabar dan media lainnya seperti radio dan pusat-pusat maklumat adalah penting di dalam menjayakan pementasan seni budaya tari Melayu Malaysia itu. Meskipun beberapa antara akhbar-akhbar tempatan turut juga memberikan sokongan dan sesetengahnya mempertanyakan beberapa hal berkenaan dengan perkembangan, serta hasil perolehan dan kemajuan bidang tarian di Malaysia. Melalui pemberitaan tersebut, kajian ini akan mengetahui sedikit sebanyaknya tentang sejarah seni persembahan tari dan juga dapat dilihat perkembangan budaya Malaysia.

Berikut ini berkenaan dengan tarian dalam FTK dan perkembangan disenaraikan maklumat dan beberapa tajuk. Adapun tajuk-tajuk utama yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan, dan data ini disalin semula daripada sumber buku-buku cenderamata yang diterbitkan oleh KKKP.

1. Pada tahun 1992 –

Berita Harian (Pusparia: Khamis, 28 Mei 1992) “Memelihara Warisan Seni”.

- 1) Utusan Malaysia (Seni dan Hiburan: 29 Mei 1992) “Tarian Melayu Pupuk Perpaduan Kaum”.
- 2) Berita Harian (Pusparia: Isnin, 1 Jun 1992) “Sarawak Juara Tarian”.

- 3) Utusan Malaysia (Isnin, 1 Jun 1992) "Pesta Tarian: Hasrat Kementerian Tercapai".
 - 4) Metro (Selasa, 2 Jun 1992) "Sarawak Juara Peperangan Seni di Pentas DBKL".
2. **Pada tahun 1993 –**
- 1) Utusan (Seni dan Hiburan; 16 Jun 1993) "Gabungan Seni dan Tradisi".
 - 2) *New StraitsTimes (Thuesday, June 22 1993)* "Feast of Traditional Dance".
 - 3) Berita Harian (21 Jun 1993) "Tarian Jadi Jambatan Perpaduan".
 - 4) Berita Harian (21 Jun 1993) "Johor Unggul Dalam Festival Tari".
 - 5) Harian Metro (Rabu, 20 Jun 1993) "Sintesis Seni 13 Negeri".

Dalam kenyataan kelima akhbar yang menurunkan artikel berkenaan dengan penyelenggaran FTK pada tahun 1992 dan 1993 tersebut, di sini surat kabar memberikan maklumat sokongan kepada pembaca dan orang ramai untuk memajukan seni tarian itu bagi pemberitaan di setiap tahunnya. Meskipun tema-tema perpaduan kaum adalah yang menjadi sasaran utama untuk berita-berita yang dimuatkan oleh pengarang akhbar masa itu, iaitu dalam mepertingkatkan seni tari tanahair, sehingga FTK tahun 1993.

Namun disebalik itu, surat khabar Harian Metro tahun 1993 memberitakan bahawa, negeri-negeri yang menyertai persempahan dinyatakan adalah tigabelas negeri. Tetapi, data yang dipunyai oleh KKKP membenarkan bagi penyertaan negeri-negeri dari seluruh Malaysia pada masa itu terdapat sepuluh negeri sahaja. Negeri-negeri yang tidak menyertai FTK tahun itu adalah; Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu dengan alasan yang tidak dapat dikenali. (sila lihat carta penyertaan negeri-negeri selama sembilan tahun). Walau bagaimanapun keratan Akhbar tahun 1992-1993 itu, telah menunjukkan bahawa pentingnya FTK itu diselenggarakan bagi menggiatkan seni tarian di tanahair ini.

3. Pada tahun 1994 –

Dalam buku cenderamata tahun 1995 tidak ada keratan Akhbar dan hanya diperlihatkan beberapa foto-foto nostalgia 1994 dalam bentuk gambar-gambar seperti:

- 1) “Persembahan Terbaik Keseluruhan Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak” (dua gambar).
- 2) “Majlis Perasmian oleh Ybhg. Ketua Setiausaha Negara”.
- 3) “Naib Johan: Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan”.
- 4) “Kumpulan ATANAS Sabah”.
- 5) “Persembahan Terbaik tari asli Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak”.
- 6) “Majlis Penyampaian Hadiah Oleh YB. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.”, dan
- 7) “Sidang Keilmuan Kendalian Akademi Seni Kebangsaan” (dua gambar).

4. Pada tahun 1995 –

Dalam buku cenderamata tahun 1996 tidak ada keratan Akhbar dan hanya terdapat maklumat “Imbas Kembali-FTK ‘94” yang dirakamkan semula dalam bentuk dua belas keping gambar-gambar tanpa sebarang maklumat kepada duabelas gambar tersebut. Cara kerja ini adalah satu perkara yang kurang menguntungkan kepada pihak pembaca dan pengkaji, untuk menemuan data yang dapat memperlihatkan pertumbuhan sejarah tarian di Malaysia.

5. Pada tahun 1996 –

Dalam buku cenderamata tahun 1997 tidak ada keratan Akhbar dan hanya terdapat maklumat, “Festival Tari Kebangsaan ’96 Dalam Ingatan” yang terdapat

dalam bentuk sepuluh keping gambar-gambar. Bagi tahun 1997 tiada data diperolehi.

Sedangkan maklumat tahun 1996 ialah:

- 1) "Johan FTK '96 Kumpulan Tarian dari Sabah berbahagia dengan kemenangan yang diraihnya".
- 2) "Persembahan Tarian dari negeri Perak"
- 3) "Satu persembahan tari istimewa dari Kumpulan Kesenian Negeri Pahang".
- 4) "Hai Bertopeng!!! persembahan tari rakyat dari Pulau Mutiara" [Pulau Pinang].
- 5) "Tiga penari jelita dari negeri Johor".
- 6) "Taniah! YB. Dato' Sabbaruddin menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada pemenang".
- 7) "Amboi! Seronoknya dia. Kumpulan Kesenian dari Negeri Sembilan meraikan kemenangannya".
- 8) "Persembahan tarian etnik oleh Kumpulan Kesenian Sarawak".
- 9) "Lima serangkai dari Negeri Sembilan semasa FTK '96.", dan
- 10) "Bahagian kreatif oleh Kumpulan Kesenian dari negeri Sarawak".

6. Pada tahun 1998 –

Untuk penyelenggaraan FTK tahun 1998 ini tiada data, kerana buku cenderamata tahun 1998 hanya berupa sekeping kertas bercetak. *Selebaran handout* ini hanya sahaja memuatkan senarai jadual persembahan dan tiada sebarang maklumat lain tentang tarian yang dapat dikesan bagi kajian ini. Alasan lain mungkin pada tahun ini disebabkan kerana kemelesatan ekonomi menjadi buku cenderamata tidak dibuat dengan baik, seperti berlaku pada tahun-tahun sebelum dan selepasnya yang kesan pada buku cenderamata tersebut lebih mewah, kemas dan banyak maklumat.

7. Pada tahun 1999 –

Dalam buku cenderamata tahun 1999 tidak ada keratan Akhbar, tetapi hanya terdapat lapan keping gambar-gambar dengan menurunkan maklumat ialah:

- 1) "Kumpulan Terbaik FTK '98 dari Negeri Kedah merakamkan kenangan bersama".
- 2) "Persembahan [sic]¹⁰⁰ Terbaik tari asli dari Negeri Sarawak". [dalam gambar menunjukkan adalah tari kreatif].
- 3) "Negeri Sabah dengan persembahannya yang kreatif memenangi anugerah Persembahan Harapan" [dalam gambar menunjukkan adalah tarian zapin kategori asli].
- 4) "Tarian lemah gemalai pengubat rindu dari Negeri Sembilan".
- 5) "Sireh[sic]¹⁰¹ Junjung pembuka kata".
- 6) "Manifestari rentak dan irama dari Negeri Johor".
- 7) "Pak ketipak ketipung.... persembahan tari dari Negeri Terengganu.", dan
- 8) "Sebuah persembahan tari etnik dari Negeri Sabah".

Daripada semua data yang diperolehi memperlihatkan betapa pentingnya peranan publisiti dan media massa dalam memperkembangkan penyampaian maklumat tentang penyelenggaran seni persembahan tari dan aktiviti budaya. Meskipun sebaliknya beberapa keterangan gambar dan foto-foto adalah bahagian yang penting pula untuk merujuk sumber data bagi kajian mengenali seni tarian. Seperti apa yang ditulis dan diperkatakan oleh Lim Poh Chiang (1989) atas menanggapi ‘kunjungan budaya’ seseorang pelancong dan melihat berlakunya kesenian tradisional tarian dan muzik lama di Sarawak.¹⁰²

Oleh itu, peranan media massa dalam penyelenggaraan sebuah festival adalah penting untuk menyampaikan serbarang maklumat kepada orang ramai, dan ia pula dapat memberi suatu tempat bagi memahami apresiasi seni seseorang dan dunia tarian bangsanya sendiri.

5.7 RAKAMAN VIDEOGRAFI

Di bahagian kajian ini menggunakan pendekatan daripada hasil rakaman pita video yang berbentuk *dance cinema* atau videografi tarian. Untuk keperluan kajian ini diperlukan keseluruhan bahan rakaman videografi FTK dan ia digunakan bagi analisis koreografi tari. Selama analisis dijalankan di mana gerak tarian dan komposisi pola lantai telah menampakkan kesan yang agak sempurna. Namun, adakalanya pada bahagian tertentu kurang baik dan sukar untuk digunakan meskipun kualiti sesetengah rakaman adalah baik, tetapi peratus pengaruh daripada kadar sorotan pencahayaan lampu pentas turut juga mempengaruhi pengamatan kepada sebahagian videografi tersebut.

Maksudnya hasil rakaman kadangkala sukar dapat dilihat pola gerak tarian pada koreografi tertentu, yang dilakarkan di atas lantai secara keseluruhan tarian itu. Dengan erti lain, tidak banyak pengambilan gambar secara keseluruhan atas komposisi tarian tersebut dan hanya bentuk rakaman terpotong-potong kerana pengaruh yang disebabkan atas keinginan jururakam. Sepekan ini barangkali akibat oleh faktor selera dan bukan atas faktor kepentingan dokumentari videografi tarian itu. Daniel Nagrin (1988) memperkatakan seperti, “*Videotape of dance that uses the full resources open to the camera eye, the imagination of a videographer and the sensitivity of an editor to re-create the physical impact and meaning of a live performance*”.¹⁰³

Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kerana rakaman penggambaran yang digunakan dalam penggambaran tarian ini, hanya sekedar memindahkan beberapa objek gambar yang dirasa sesuai untuk menghasilkan kerja-kerja rakaman itu. Sebuah penggambaran videografi tarian mestilah mempunyai beberapa kaedah-kaedah yang

sangat prinsip sekali untuk pertunjukan yang hidup, terutama penggambaran untuk jenis tarian di pentas prosenium. Prinsip-prinsip dan metod penggambaran bagi persembahan tari-tarian, dalam erti kata lain hendaknya mengikut teknik *dance cinematography* adalah perlu diambil kira oleh seseorang videografer. Sebab, alasan ini di mana gambar yang dirakamkan ianya tidak terjadi secara statik, melainkan perakaman objek-objek yang bergerak itu perlu memiliki keahlian khusus. Oleh yang demikian, keadaan seperti ini seringnya menyulitkan teknik rakaman dijalankan.

Satu kes diumpamakan penggambaran videografi pada babakan atau bahagian ragam-ragam tertentu terhadap gerak geri yang khas dan penting untuk analisis kinesiologi perlu mendapat penggambaran lebih baik dan terlihat dengan jelas pada skrin kamera dan alat monitor. Sehingga motif dan komposisi ragam-ragam gerak yang penting itu boleh dilihat dengan tepat dan selesa. Beberapa kes selalu ditemui bahawa penggambaran selama FTK berkesan hanya mementingkan rasa kesenangan jurugambar atau para videograf sahaja dari segi *mood* mereka, sehingga menyampingkan teknik yang penting pada bidang tarian. Seorang jurugambar videografi tari barangkali perlu memiliki pengetahuan asas tentang seluk beluk koreografi tari agar sedikit sebanyak ia memperolehi pengetahuan asas. Terutama tentang teknik penggambaran gerak geri dan perkara ini berguna dalam kerja-kerja rakaman tarian bagi menghasilkan videografi yang sempurna. Walaupun teknik penggambaran terhadap sebuah perakaman '*dance on screen*' dalam koreografi tari tidaklah sama seperti dengan penggambaran suatu pemandangan panorama, yang mana objeknya tetap tidak berubah tanpa mempertimbangkan dengan saksama gerak geri yang bermakna dalam sebuah kajian tentang tari ini. Oleh itu, satu pengenalan praktikal

kepada juru videograf, khasnya pada bidang penggambaran persembahan tari, hendaklah dapat dikerjasamakan dengan seorang koreografer tari. Iaitu bagi memperolehi dan mempertingkatkan pengetahuan tentang teknologi audio-visual yang dimilikinya.

Biasanya seorang pengkaji tarian memerlukan hasil penggambaran yang baik dan tepat bilamana sepasang penari mucul ke pentas dengan gayanya. Penggambaran diharapkan jelas pada keseluruhan badan, gerak tangan dan kaki, dan seterusnya gerak geri yang saling mengisi di antara tarian yang dirakamkan itu. Kemudian, sasaran kamera dapat dipindah-pindahkan kepada bahagian lain. misal penggambaran pada pergerakan kaki, tangan, kepala, ekspresi wajah ataupun kepada gerak dominan yang dirasakan oleh jururakam itu penting. Apabila suasana mengkehendaki harus melihat watak tarian itu, mungkin diperlukan ekspresi kedua penari tersebut difokuskan secara *close-up* pada ruang skrin kamera. Ini akan menghasilkan data video yang baik. Sehingga wajah dan ekspresi mimik muka dapat dilihat dengan terang untuk kepentingan sesuatu analisis tarian di atas pentas.

Meskipun Ghulam Sarwar (1987) memperkatakan seperti, “Susunan pentas menyamai aturan yang masih diikuti oleh [persembahan] makyong di Kepulauan Riau dan dalam makyong di tempat-tempat lain walau bagaimanapun agak banyak terdapat kelonggaran tentang peraturannya.”¹⁰⁴ Terutama perkara pementasan seni persembahan tari rakyat. Oleh yang demikian, peranan jururakam hendaknya lebih kepada mengenali teknik persembahan pentas itu. Kadangkala berubah dan tidak pula sama pada suatu ketika, bilamana tarian dipertunjukkan semula dan seperti sebenarnya.

Contoh lain, apabila beberapa kelompok sedang menari dan memenuhi seluruh pentas. Pertamanya, ia perlukan rakaman secara keseluruhan agar cara ini mendapatkan seluruh lakaran penari di pentas. Kemudian melihat perpindahan yang jelas pada kelompok ini semasa melakukan aksi pergerakan dan juga gerak tarian berikutnya. Bilamana terjadi satu bahagian dari penari ini sedang beraksi di bahagian depan dalam intensiti gerak geri yang dominan atas satu pergerakan tertentu, sementara penari yang lain bergerak di bahagian belakang, dan mungkin dirasakan gerak di bahagian belakang tidak begitu menjadi perhatian oleh juru rakam video. Oleh itu, peranan teknik penggambaran di bahagian depan adalah utama untuk mendapatkan pengambaran gerak dan ekspresi itu dapat diperhatikan.

Dalam beberapa kes banyak ditemui hasil rakaman videografi FTK kurang memenuhi syarat untuk suatu simpanan bahan media dokumentari. Ini disebabkan kerana kesalahan teknik penggambaran dan bukan kerja-kerja keseronokan untuk beraksi menggunakan perasaan semata-mata. Tanpa mengenali teknik itu semasa dalam pengintip skrin perakaman gambar terhadap pasangan bergerak dominan tadi, mungkin cara ini baik bagi merakamkan dengan bentuk penggambaran yang dekat dan jelas pada *screen space*.¹⁰⁵ Namun, bagi seorang pengkaji koreografi, banyak hal yang perlu mendapat perhatian dan dilihat pada bahagian ini, khasnya cara kerja alat kamera perakam tarian. Contoh yang lain misal manakala terjadi pergantian penari, di mana satu kelompok sedang atau akan meninggalkan arena pentas, sementara penari lain akan masuk ke pentas untuk menari. Sebaiknya seorang videografer hendaknya bersedia, agar bersamaan untuk sesegera merakamkan penari yang akan memasuki pentas tersebut.

Kadangkala hal yang serupa itu banyak kes tentang gambar tarian ditemui hasil perolehan rakaman video FTK, dan dalam vediografi itu menunjukkan suatu contoh sekumpulan penari akan masuk menari, tiba-tiba sahaja mereka telah berada di tengah-tengah pentas. Keberadaan penari-penari di tengah pentas ini berkesan tiada sambungan yang jelas tampak pada skrin dari arah mana penari-penari itu datang, dan pergerakan apa yang berlaku semasa mereka memasuki pentas itu sebelum mereka sampai di pentas. Sementara itu videografer masih bekerja mengikuti rakaman gerak geri pada kelompok penari yang sedang meninggalkan arena pentas. Justeru itu, perkembangan yang menguntungkan dewasa ini terdapat teknik penggambaran yang terpusat dalam satu kelompok kerja yang bersepodu. Kes FTK tahun 1999 telah menggunakan ‘sistem sentral’ dalam teknik ini dengan tiga saluruan alat rakaman yang bekerja sekali gus di antara satu dengan yang lain. Tentunya cara tersebut masih terdapat kekurangan dan kelemahan apabila mereka tidak berkerja di di bawah arahan seorang pakar tari dan pakar rakaman bagi mengenali objek penggambaran tentang tarian.

Daripada beberapa contoh di atas, penggambaran videografi sebuah koreografi tari hendaknya mempunyai satu pengetahuan yang tersendiri bagi mendapatkan hasil rakaman yang baik dan ia berguna dalam pengamatan komposisi ragam-ragam gerak tarian. Penggunaan teknik penggambaran sangat penting untuk sebuah hasil rakaman dan segalanya ia berhubungan dengan suasana dan teknik gerak tarian di pentas. Seorang jurugambar atau videografer sebaiknya dapat terlebih dahulu melihat persempahan percubaan yang dilakukan dan kemudian baru penggambaran akan selesa dijalankan pada persempahan yang sebenar. Dan semasa melihat tarian percubaan atau

rehearsal dan tentunya ia telah mendapat gambaran yang jelas sebelum melakukan rakaman dokumentari tarian itu.

Malangnya, hampir separuh data videografi dengan kod TRN simpanan KKKP hingga kajian ini dijalankan, sesetengahnya menghasilkan rakaman yang kurang daripada kesempurnaan dan sepertinya tiada perbincangan dan perubahan yang bererti untuk mendapatkan hasil gambar yang baik, seperti mana apa yang dimaksudkan dengan videografi tarian yang sebenarnya untuk tarian. Dari itu kenyataan yang dialami kajian ini sedikit sebanyaknya turut juga mengalami hambatan untuk menganalisis ulang peristiwa FTK yang telah berlalu, khasnya bagi melihat sekian banyak dokumentari video tarian tersebut.

5.8 PERHUBUNGAN AKTIVITI

Jika keragaman gaya dalam perhubungan aktiviti koreografi tari FTK dilihat sebagai suatu fakta, maka kehidupan kreatif para koreografer tari Melayu akan berhadapan dengan banyak tantangan dari segi mempersembahkan seni tarian. Perkara ini mungkin berbeza mengikut situasi mahupun prinsip yang asas dalam aktiviti pada tingkat pencapaian dalaman yang agak sempurna. Meskipun di segi lain perhubungan dan percampuran budaya antar etnik dan bangsa dianggap sebagai suatu cara yang terbaik dalam mengkomunikasikan keragaman daripada bentuk-bentuk tari kreatif itu. Tentangan itu terjadi, terutamanya kepada hasil ciptaan koreografi tari kontemporari Melayu Malaysia yang difestivalkan.

Barangkali kenyataan dalam karya tarian FTK itu akan selalu muncul perhubungan antar aktiviti yang dimaksudkan. Mungkin pendapat Daisaku Ikeda

(1999) dapat menyentuh dan mempertegas makna daripada kehidupan dalam seni dan dalam kreativiti berbudaya seperti yang diperkatakan beliau, iaitu:

“kehidupan kreatif sepenuhnya tertumpu pada usaha mengatasi diri dan tanpa jemu cuba untuk melangkaui batasan masa dan ruang untuk menemui diri yang bersifat sejagat. Kehidupan kreatif membawa insan untuk mencapai kejayaan cemerlang, memperoleh pembaharuan diri setiap hari, agar sentiasa selari dengan rentak asal alam semesta”.¹⁰⁶

Atau dalam erti lain di sini dapat dipertegasnya bagi mencari identiti tarian yang jelas, walau bagaimanapun perlu perubahan penuh makna untuk mengisi dunia moden.¹⁰⁷ Begitu bila merujuk kepada beberapa istilah dalam kebudayaan, persinggungan silang budaya dan juga proses koreografi dalam seni persesembahan yang identiti budayanya¹⁰⁸ berlaku dan berupa sebagai sifat-sifat intrakultural. Persinggungan budaya dalam kes FTK ini akan menghasilkan ‘hibrida budaya seni’ iaitu terjadi secara interkultural pula di dalam wilayah budaya Melayu Malaysia itu sendiri, bahkan sesama wilayah Melayu-Nusantara. Contoh lain misal beberapa pemahaman dalam proses kerjasama antara kelompok penari yang boleh sahaja menghasilkan sebuah produksi tarian bersama yang akhir-akhir ini banyak dikerjakan oleh koreografer ternama di Malaysia mahupun di negara-negara lain.¹⁰⁹

Krishen Jit (1986) memperkatakan seni tarian yang berjalin sebagai perkara yang mempunyai jalinan perhubungan yang berpengaruh dan selari dengan perubahan zaman. Dan beliau juga melihat hal ini, seperti adanya hubungan yang baik dalam sebuah kerja produksi tarian yang disaksikan dalam persembahan Jikey dan keuntungannya seperti berikut:

Muzik yang dihasilkan oleh pukulan gendang, dan tiupan serunai sungguh luar biasa dan sangat bertenaga. “Apabila ditarikan oleh penari-penari yang terbaik beberapa gerak tarinya terjalin dengan

lembut. Lebih-lebih lagi kekuatan dan kecergasan jikey, kes spontanannya dan kecenderungannya untuk berhubung dengan penonton mungkin dapat menggantikan sifat-sifat pasif masyarakat moden yang disebabkan oleh pengaruh wayang gambar dan televisyen...¹¹⁰

Interaksi seperti itu terlihat juga berlangsung dalam karya produksi koreografi tari FTK iaitu dengan pendekatan atas tema-tema yang unik. Adalah menjadi nyata untuk menemukan seperti apa-apa yang telah berlaku dalam erti silang budaya di antara aspek yang sama disebut di atas. Oleh itu, fahaman ini boleh diertikan sebagai satu perolehan kepada pandangan baru. Iaitu berkenaan dengan silang budaya, yang secara intensif dan berlanjut telah terjadi di dalam pola budaya tari Melayu Malaysia hari ini. Kenyataan ini merupakan satu bukti yang baik dan berlangsung secara damai mengikut pergerakan budaya tarian oleh kelompok berbilang kaum di Negara Malaysia. Oleh yang demikian, produksi tarian mengikut program FTK telah menunjukkan satu perubahan baru pula dari sisi memberangsangkan untuk menentukan sikap dan gaya budaya tarian yang memberi ciri-ciri keunikkan tersendiri itu. Proses dan semangat menciptakan tarian dari tahun ke tahun dan mereka yang menyertai pertandingan adalah sesuatu menggembirakan di antara tahun-tahun 1990 hingga tahun 2001.

Faktor yang mendorong berlangsungnya FTK, semuanya menjadikan di sisi lain akibat proses globalisasi daripada revolusi media maklumat, dan tuntutan apresiasi seni untuk memenuhi aspek kejiwaan serta kedirian seseorang seniman. Informasi media maklumat itu memainkan peranan penting, juga secara tidak langsung turut mempengaruhi perkembangan tarian Kontemporari Melayu Malaysia dalam dekad ini. Seperti telah dikatakan pada bab satu dan bab tiga perkara silang budaya tidak sahaja melampaui sepadan geografi negeri-negeri di Malaysia dalam berseni dan berbudaya

bagi pementasan. Begitupun juga di antara sesama negara Asean, walaupun beberapa pengaruh gaya persembahan secara tidak langsung turut juga terjadi dari Asia Barat dan Eropah. Namun keberkesanannya koreografi kontemporari Melayu Malaysia masa kini telah mengalami percampuran dari bentuk yang tradisi ke arah perkembangan moden yang lebih bersifat temporari. Keadaan ini terjadi diasaskan dalam tenggang masa yang bergerak dari masa lampau ke masa hadapan mengikut gaya, ciptaan dan pertumbuhan tarian.

Oleh itu, penilaian yang umum dapat diberikan meskipun sudah terjadi penggunaan masa, ruang, dan gaya selama proses koreografi di dalam program aktiviti produksi tarian. Seperti tarian-tarian yang mengambil kesempatan di dalam program FTK nampak mengapungkan kebiasaan nilai-nilai moden itu untuk dipersembahkan dan diperhatikan perkembangannya dari semasa ke semasa. Di samping itu pula, etika dan norma berkesenian yang sedia ada telah biasa mereka warisi dari masa lampau secara tradisional dalam masyarakat Melayu hingga ke hari ini, yang corak tingkat kemodenan telah menentukan bentuk dan gaya yang tersendiri itu.

Melalui koreografi tari yang telah ada selama berlangsungnya FTK itu pula, ia menunjukkan kepada khalayak ramai apa yang diperkatakan ini. Setidak-tidaknya suasana ini dapat dijadikan kayu ukur untuk sementara diguna oleh kalangan koreografer masa hadapan dan memberi perhatian sungguh-sungguh untuk memahami pada perkara keragaman budaya serta gaya persembahan untuk kategori yang disertai dalam FTK pada masa-masa hadapan. Sehingga untuk menelusuri pandangan terhadap sejarah tari Melayu Malaysia perlu diadakan pendekatan yang bersendirian. Terutama daripada konteks persembahan tari, silang budaya dan urban etnik dalam bentuk

perubahan gaya tarian. Jika dibandingkan dengan ekspresi kesenian yang lain, seni tarian kontemporari Melayu Malaysia memperlihatkan bentuk kelenturan yang sangat bebas daripada segi idea dan gagasan kreativiti serta memelihara sedikit sebanyak adat resam dan pemikiran inovatif dalam budaya seniman tempatan.

Kerana anjuran serta kuatnya hubungan oleh KKKP Malaysia dengan lembaga-lembaga tertentu dan masyarakat, menjadikan FTK sebagai salah satu bidang industri budaya dengan syarat tersendiri mengikut peraturan yang berlaku selama festival diselenggarakan. Dari itu, program FTK memunculkan satu ekspresi kesenian dalam cerminan yang paling utama dengan sifat artistik suatu seni persembahan di negara ini. Jika seniman atau para koreografer gagal dalam mempersembahkan hasil karya tarian mereka, akan beralamat terhalangnya pertumbuhan dan perkembangan seni tari Melayu itu sendiri.

Carta (5-10) berikut memperlihatkan hasil yang dicapai dalam pengamatan selama FTK. Adapun bahan dan tajuk disenaraikan bersama perkara-perkara yang ditimbulkan, sedikit sebanyaknya memperjelas huraian pada sub judul dan perenggan yang lalu. Hasil dapatan yang diperolehi ini memberikan gambaran secara keseluruhan daripada kajian ini untuk bidang yang berkenaan dengan persembahan dan pengetahuan koreografi. Terutama untuk kes tari kreatif. Carta tersebut diperlukan sebenarnya ialah sebagai pendekatan bagi kajian ini dan merujuk kepada hasil yang dihuraikan sesetengahnya diterangkan mengikut teori Elizabeth R. Hayes pada tahun 1955.¹¹¹

Oleh yang demikian, di sini kajian memberikan kesimpulan tentang hasil pengamatan tersebut. Hasil ini akan terjadi dalam empat cara setelah melihat dan mempertimbangkan pengamatan kepada rakaman videografi yang diperhatikan. Iaitu

sebuah kes mungkin dapat dipertanyakan mengikut pertanyaan dan jawabannya adalah; ‘ya’, ‘tidak’, ‘mungkin’, dan atau ‘tidak sama sekali’ untuk pendekatan kepada sebuah perkara yang bersabit dengan tajuk-tajuk tersebut. Analisis yang ditemukan cuba disusun dalam carta di bawah ini dan ia memberi kadar pengamatan yang dilakukan sejumlah sebelas mata masalah. Penilaian diberikan atas dasar perkara yang dominan muncul selama persembahan dan rata-rata keseluruhan mengikut kađar yang umum, iaitu memberi pengamatan dalam bidang apresiasi kesenian dan wawasan penilaian kepada struktur persembahan selama FTK.

Setelah diperhatikan semua data videografi tarian, di sini dapat diberikan beberapa perkara berkenaan dengan persembahan. Kegunaannya adalah untuk memberi kemudahan bagi koreografer dan penari selama menjalankan proses koreografi di studio dan mengulang kembali sesuatu penilaian kepada tarian yang direkanya. Dapatan ini diolah dan tidak melihat kepada satu tarian sahaja, tetapi perlu dilihat secara keseluruhan mengikut data yang sedia ada. Oleh itu, secara kasar terdapat sebelas masalah utama yang penting sekali berupa pertanyaan mengikut aspek yang ditinjau (nombor 1 hingga nombor 11). Kemudian dikembangkan daripada sebelas mata itu kepada beberapa pecahan yang sebidang dengan perkara yang muncul sebagai kajian kes. Daripada carta tersebut di atas sebanyak sebelas aspek utama yang menjadi tumpuan pengamatan ke dalam komposisi dan produksi (Carta 5-10) ini telah memperlihatkan aspek itu dengan jelas.

- 1) Adakah seni tari bertembung dengan falsafah Budaya Melayu,
- 2) Adakah prinsip dalam gaya tarian,
- 3) Bagaimana teknik gerak tarian yang sedia ada,
- 4) Bagaimana penggunaan ruang untuk tarian,

- 5) Bagaimana penggunaan gerak dengan rentak irama,
- 6) Bagaimana penggunaan masa dalam konstruksi dramatic,
- 7) Bagaimana struktur dan komposisi tari untuk estetika persembahan,
- 8) Bagaimana rangsangan tarian dan idea yang bagus,
- 9) Bagaimana tarian itu wujud sebagai ekspresi seni,
- 10) Bagaimana hubungan muzik untuk tarian yang padu, dan
- 11) Adakah rancangan program tari Melayu dapat berterusan.

Carta 5-10:
Beberapa Perkara Analisis Pengamatan Aspek Tentang
Komposisi Dan Produksi Tari Dalam Videografi Tahun 1993-1999

No	Tajuk-tajuk dan perkara yang dihadapi	ya	tidak	mungkin	tidak Sama sekali
1.	Adakah seni tari bertembung dengan falsafah budaya Melayu	v			
a)	Tergambarkan tema dan mesej dalam persembahan			v	
b)	Adakah tari mempunyai bentuk	v			
c)	Bagaimana motivasi ekspresi tari asli	v			
d)	Bagaimana motivasi ekspresi tari kreatif		v		
e)	Dapatkan guru sebagai pengkritik tari			v	
f)	Bagaimana peranan guru di sekolah tentang tari				v
2.	Adakah prinsip dalam gaya tarian	v			
a)	Bagaimana keindahan tarian Melayu	v			
b)	Adakah keharmonian		v		
c)	Adakah keseimbangan dan proporsi		v		
3.	Bagaimana teknik gerak tarian yang sedia ada	v			
a)	Kinesthesia (kinestetik)		v		
b)	Lokomotif	v			
c)	Oposisi		v		
d)	Imbangan		v		
e)	Sugesti			v	
4.	Bagaimana penggunaan ruang untuk tarian	v			
a)	Direksi	v			
b)	Pandangan dituju				v

c)	Kepadatan			V	
d)	Jarak	V			
e)	Rekaan		V		
5.	Bagaimana penggunaan gerak dengan rentak irama	V			
a)	Pandangan kinetik		V		
b)	Ukuran dan aksi		V		
c)	Pola rentak		V		
d)	Tempo dan intensity		V		
6.	Bagaimana penggunaan masa dalam konstruksi dramatic			V	
a)	Lama masa pada kalimat gerak				V
b)	Masa istirahat		V		
c)	Masa rekaan dramatik tarian		V		
d)	Masa ke luar masuk pentas	V			
e)	Masa peralihan sekuen		V		
7.	Bagaimana struktur dan komposisi tari untuk estetika persembahan			V	
a)	Hubungan antara kelompok		V		
b)	Struktur tema			V	
c)	Tajuk dan mesej		V		
8.	Bagaimana rangsangan tarian dan idea yang bagus	V			
a)	Kinestetik		V		
b)	Audio	V			
c)	Visual		V		
d)	Idea dan emosi		V		
e)	Pengalaman			V	
9.	Bagaimana tari wujud sebagai ekspresi seni	V			
a)	Idea yang unik	V			
b)	Pengembangan koreografi		V		
c)	Pertimbangan teknik		V		
d)	Kritik dan penilaian tari		V		
10.	Bagaimana hubungan muzik untuk tarian yang padu		V		
a)	Iringan muzik diambil dari gerak tari	V			
b)	Pelbagai muzik dalam tari		V		
c)	Berasal dari bentuk muzik gembira dan laju	V			
d)	Dominasi muzik perkusi		V		
e)	Muzik sebagai stimuli untuk tari		V		
11.	Adakah rancangan program tari Melayu dapat berterusan	V			
a)	Adakah persembahan cuba-cuba			V	

b)	Adakah demonstrasi studio	v			
c)	Adakah konser tari				v
d)	Adakah menyertai festival	v			

5.9 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Daripada keterangan dan huraian analisis yang dipisah-pisahkan di antara aspek yang diperkatakan di atas, beberapa kesimpulan berikut dapat dibuat. misal produksi program FTK adalah sebuah aktiviti seni tari anjuran daripada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Program ini telah berlangsung selama sepuluh tahun.

Tetapi sejarah festival seumpama telah dikesan dari tahun 1967 semasa Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS); dan festival semacam FTK untuk seluruh negara Malaysia pada masa itu dikenali dengan istilah Peraduan Tarian dan berlangsung sehingga tahun 1976. Tetapi maklumat lain telah pula menunjukkan bahawa tanggal tigabelas hingga enambelas Julai 1956, terjadi satu perayaan Pesta Budaya di Kuala Lumpur di sini bidang tarian terlibat langsung dalam pesta budaya itu.

Kenyataan telah menandakan dekad 1970-an perhatian masyarakat yang bertumpu terhadap kesenian dan kebudayaan adalah memberangsangkan dan banyak rekaan kreativiti seni yang pelbagai. misal tajuk tari Kebebasan sebagai tarian kontemporari mula dikenali di Malaysia. Lagipun perkembangan muzika dan komedi telah bermula masa itu pada tahun 1975. Kebangkitan bentuk seni pentas kontemporari ini digalakan untuk mempelbagaikan lagi bentuk persembahan tari di rantau ini. Tetapi, suatu perkara yang sangat prinsip sekali, pada mana tujuan yang sebenar dari program FTK tahun 1992-2001 ini ialah perpaduan suku kaum yang berbilang bangsa, melalui

aktiviti seni dan kebudayaan. Iaitu agar memenuhi hasrat kerajaan bagi menyatupadukan rakyat negara ini, melalui kegiatan tarian. Meskipun perkara ini telah bermula, yang kesan awalnya sama dengan, Peraduan Tarian Kebangsaan (1976) ataupun Pertandingan Tarian Kebangsaan (1975) bagi mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Namun pada tahun 1974, pertandingan tari dikenali dengan istilah sebagai Pertunjukan Perdana, sedangkan pada tahun 1975, ia dikenali sebagai Persembahan Perdana. Tetapi pada tahun 1976, berkembang ke bentuk pertandingan tari dan pada masa itu diistilahkan sebagai Pesta Perdana. Meskipun tiga istilah ini; pertunjukan perdana, persembahan perdana dan pesta perdana adalah merupakan bentuk persembahan akhir daripada setiap pertandingan dan istimewa sekali pada majlis penganugerahan kejohanan yang diberikan sebagai hasil kemenangan dalam pertandingan tari pada masa itu.

Pada tahun 1992, dikenali sebagai Pertandingan Kesenian Tarian Antara Negeri-Negeri Seluruh Malaysia. Kemudiannya pada tahun 1993 hingga 2001, diteruskan sebagai program Festival Tari Kebangsaan yang dianjuran oleh KKKP. Festival ini telah berlangsung selama sepuluh tahun, dan ia ditumpukan sebagai kajian kes utama. Tetapi satu keistimewaan pada tahun 1998, FTK diselaraskan sempena dengan majlis pertemuan dan seminar Tari '98 di Kuala Lumpur, iaitu bagi perbincangan seni tari diperingkat antarabangsa. FTK ini turut juga dipadukan dengan program Festival Kebudayaan Komanwel KL 98, sebagai *Commonwealth Cultural Festival KL '98* di bawah naungan KKKP Malaysia. Meskipun pada masa itu, kejatuhan ekonomi dunia turut mempengaruhi aktiviti seni tari dan budaya.

Walau bagaimanapun masyarakat Melayu Malaysia dewasa ini, sedang menghadapi perubahan dalam pelbagai aspek, khususnya dalam bidang seni tari dan budaya. Perubahan dalam kesenian secara umum terjadi juga pada seni persembahan itu dalam jangka masa separuh abad dua puluh ini. dan di tahun pertama abad ke duapuluh satu. misal dalam dekad ini festival tari yang mempersembahkan kesenian tradisional dan kreatif pun telah memperlihatkan perubahan itu untuk menggolongkan jenis-jenis perkembangan tentang tari. Seni persembahan tari semakin selalu ditemui, terutama dalam pelbagai acara keramaian masyarakat seperti hari perayaan sekolah, perasmian sebuah majlis, pesta perkahwinan dan sebagainya. Malah acara hiburan persembahan seni asli dan moden turut melengkapi dan ia bergabung menjadi satu yang tiada jelas lagi batas-batasnya antara gubahan tarian baru dengan campuran kegiatan kreatif.

Pada masa lampau mempersembahkan kugiran yang dijemput dan dibayar dengan mahal cukup mendapat tempat di dalam masyarakat di bandar-bandar. Walaupun persembahan seni tradisional dalam bentuk gaya tarian rampaian di bandar-bandar besar di seluruh Malaysia masih menarik dan ia merupakan suatu gaya persembahan yang tersendiri yang membezakan dengan seni tarian seperti dalam kaum Cina, India dan juga tarian dalam komuniti budaya Barat. Seni persembahan Melayu Malaysia itu dapat ditemui dalam bentuk persembahan yang khas, iaitu dalam bentuk tarian rampaian.

Terjadi perubahan terhadap seni persembahan tari Melayu Malaysia itu, sedikit sebanyaknya turut mengisi keperluan secular, dan tidak lagi untuk upacara adat di kampong, atau di desa-desa. Meskipun telah terjadi perubahan dalam bentuk penggayaan, tetapi tetap berjalan mengikut perkembangan masa. Walaupun terdapat

beberapa alasan di dalam usaha pengekalan tari tradisi pada kehidupan masyarakat Melayu Malaysia. Di samping tarian yang dikesan, terutama juga berhubung dengan persembahan di dalam gender muzik, teater, taridra, opera ataupun dalam bentuk drama musika yang populer.

Hingga masa kini, tiada banyak didapati persembahan tari tradisional Melayu yang dipersembahan oleh orang-orang di luar etnik Melayu sendiri; seperti berlaku pada kaum Cina dan India di seluruh Negara. Ataupun dalam pelbagai majlis perjumpaan perkumpulan masyarakat Malaysia, dan persembahan tari ini tampaknya khusus dipersembahkan oleh orang-orang Melayu sahaja. Daripada kenyataan ini, boleh dijadikan satu bukti yang menandakan bahawa persembahan tari Melayu Malaysia itu masih tetap hidup dan hanya sahaja berkembang dalam masyarakat Melayu.

Walaupun didapati terjadi perubahan daripada penyertaan jumlah ahli-ahli, kualiti tari, masa, suasana, serta tingkatan usia mempelajari, sehingga tiada lagi dapat dilihat ciri-ciri seperti dikatakan terdahulu. Iaitu seni persembahan Melayu itu yang dapat berhubungkait dalam pembentukan keperibadian budaya Melayu sendiri. Ia kini umum menjadi bentuk tontonan orang ramai, yang biasa dengan pengurangan dan penambahan pelbagai aspek seni terhadap persembahan itu. Begitu juga faktor pemahaman makna, perlambangan, mahupun erti yang terdapat di dalam peradaban lama oleh masyarakat pendukung persembahan itu. Meskipun tidak lagi menjadi perhatian, sehingga makna simbol-simbol yang asal semakin pupus. Keyakinan mulai timbul, apabila mendapati perbezaan dalam sebuah persembahan tari Melayu Malaysia. Di samping tidak lengkapnya aspek tertentu, seperti perlambangan yang pada asalnya

merupakan tetap sebagai syarat kelengkapan yang tersirat, dalam mengadakan persembahan selama FTK berjalan.

Penjelasan di atas, banyak persembahan tari Melayu Malaysia sekarang tidak lagi jelas strukturnya, misal antara persembahan yang bersifat ritual dengan persembahan yang ada memiliki unsur keagamaan. Ataupun persembahan adat istiadat rakyat, yang merupakan persembahan di luar acara perayaan untuk pesta orang ramai. Pada bahagian yang lain pula, dalam kumpulan persembahan FTK, terdapat persembahan etnik lain (sebuah tari atau separuh dari tari itu) di luar wilayah budaya Malaysia. Kenyataan ini mungkin tidak sesuai lagi, dengan keadaan sekarang dan untuk masa hadapan, apabila pengkajian ini berbicara dengan maksud indentiti budaya Melayu. Meskipun yang dimaksudkan, dengan gaya urban etnik itu bukannya melalui pemindahan tari, tetapi ialah terdapat rangsangan atas konteks tari yang diakibatkan oleh percampuran yang pelbagai dalam gerak tarian itu.

Catatan Hujung Bab Lima

¹ Rujuk; buku cenderamata “Pesta Perdana”. (Pulau Pinang: Dewan Sri Pinang, tahun 1976), hlm. 10.

² *Ibid*; hlm. 10-12.

³ Rujuk; buku cenderamata “Pertunjukan Perdana”, 14 September 1974. Dalam temubual pengkaji yang dilakukan bersama Dr. Ariff Ahmad (1999), beliau menyebutkan bahawa “pada masa itu muzik irungan tarian yang dipertandingkan adakalanya disiapkan rakaman dalam bentuk ‘piringgar’ hitam’ oleh pihak kementerian dan kemudian dikirimkan kepada kumpulan yang menyertai pertandingan itu”.

⁴ Rujuk; majalah Mastika, tahun 1956.

⁵ *Ibid*; Mastika 1956.

⁶ *Ibid*;

⁷ Bandingkan empat puluh lima tahun terkemudian dengan perarakan Pesta Budaya Citrawarna Malaysia 2001; di mana para ahli seni dan artis budaya yang menyertai perarakan itu adalah seramai 5,166 orang. Rujuk; buku cenderamata Citrawarna Malaysia, tahun 2001, hlm. 14.

⁸ Rujuk; Chan Sook Mooi., “Tarian Cina: Suatu Perbandingan Di antara Malaysia dan Singapura”. (Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1984/1985), hlm. 3-9.

⁹ Sambutan ucapan utama; kata-kata aluan oleh Datuk Ali bin Haji Ahmad sebagai *Minister of Culture, Youth and Sports*, Malaysia. Dalam, Pertunjukan Perdana: Pertandingan Drama dan Tari Seluruh Malaysia. (Kuala Lumpur: Di Dewan Bandaraya), 14 September 1974.

¹⁰ *Loc cit*; Mastika, 1956.

¹¹ Angka ini bila setiap negeri mengirim jumlah perserta seramai dua puluh lima orang. Sedangkan penyertaan kumpulan yang terendah sepuluh kumpulan dan tertinggi duabelas kumpulan. Ini bermakna jumlah purata setiap tahunnya yang mengambil bahagian dalam FTK ialah lebih kurang antara duaratus limapuluh hingga tigaratus orang, yang terdiri daripada penari, koreografer, pemuzik dan ketua kontingen setiap tahunnya.

¹² *Ibid*;

¹³ Rujuk; buku program Tari ’98 Festival Kebudayaan Komanwel KL 98. (Kuala Lumpur: Akademi Seni Kebangsaan, 1998), hlm. 3-5.

¹⁴ Rujuk; Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid., “Memupuk Kesatuan Masyarakat Melalui Lagu-Lagu Rakyat Tradisional”. (Kuala Lumpur: Kertaskerja, Seminar Lagu Rakyat Tradisional Nusantara. DBP, 6-8 September 1999), hlm. 2.

¹⁵ Untuk mengenali personil-personil ahli Jawatankuasa Penganjur dan Pengelola sebagai yang dicontohkan mengikut data tahun 2001 (sila rujuk Lampiran F).

¹⁶ Carta tersebut dipilihkan sebagai sebuah struktur organisasi yang terbaik dan lengkap yang dapat diperolehi mengikut kajian ini.

¹⁷ Sebuah buku yang baik untuk pengetahuan pengurusan pentas dapat dirujuk karangan; Lawrence Stern. *Stage Management*, (Boston-Singapore: Allyn and Bacon), 1998.

¹⁸ Rujuk; buku cendramata FTK, tahun 1996, 1997 dan 1999.

¹⁹ Dalam kajian ini aspek pameran atau *display* publisiti di bahagian depan auditorium di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Istana Budaya, setiap tahun tidak dapat dijelaskan di sini, kerana terbatasnya data yang diperolehi.

-
- ²⁰ Sehinggakan tema-tema tari kreatif pada tahun 1999-2001 memperlihatkan tajuk yang lebih kepada tema nasionalisme dan kebangsaan Malaysia sebagai pilihan yang popular.
- ²¹ ‘Perutusan’ oleh Datuk Ali bin Haji Ahmad sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia. Dalam “Persembahan Perdana Pertandingan Drama dan Tari Seluruh Malaysia”. (Johor Bahru: Di Komplek Pelbagaiguna), 27 Oktober 1975.
- ²² Sama ada waktu itu persembahannya berbayar ataupun tidak. Data yang pasti tidak dapat dikesan.
- ²³ Rujuk; buku cenderamata Persembahan Perdana, tahun 1975.
- ²⁴ Sedangkan data yang berkenaan dengan tahun 1968 hingga tahun 1973, bersamaan dengan data tahun 1977 hingga tahun 1991 belum dapat dikesan di mana-mana sumber.
- ²⁵ Rujuk; Produksi Bengkel Koreografi, (Kuala Lumpur: KKKP Malaysia), 7-9 Disember 1990.
- ²⁶ Sila lihat Lampiran E bagi mengenali seluruh tajuk-tajuk tari asli, tarian tradisional dan tajuk tarian gubahan baru yang berkesan sebagai tari kreatif pada penyertaan FTK.
- ²⁷ Rujuk; Lampiran G, Pidato Perasmian FTK Tahun 1993, tentang perubahan penamaan festival ini.
- ²⁸ Festival tari yang bersifat internasional telah diadakan di Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1994, 1996, 1998 dan 2000. Festival semacam itu dikenali dengan nama Festival Tari ’94, Festival Tari ’96, dan Festival Tari ’98. Namun program Festival Tari Antarabangsa ini adalah anjuran KKKP Malaysia dan dicadangkan dua tahun sekali dan bertempat di Kuala Lumpur .
- ²⁹ Semasa pengamatan dilakukan, pada majlis pelancaran Pesta Malaysia ’98. Pelancaran ini berlaku serentak dengan perasmian Festival Dataran Merdeka. Ia dianjurkan secara besar-besaran dengan pengisytiharan pelancarannya disambut dengan paluan rebana ubi, gendang rebana dan kertok yang bergayakan Kelantan. Seterusnya diikuti dengan pelbagai persembahan tari, nyanyian dari masing-masing negara, yang koreografi tari sepertinya khas dicipta untuk pesta komanwel tersebut.
- ³⁰ Penyertaan yang mengambil bahagian pada festival Tari ’98 negara-negara yang menyertai antaranya; Australia, Republik Rakyat Bangladesh, Jerman, Republik Korea, dan Malaysia. Antara negara yang menyertai Festival Kebudayaan Komanwel KL 98 pula ialah; Kanada, India, Sri Lanka, Singapura, Australia, United Kingdom, New Zealand, Afrika Selatan, Trinidad dan Tobago, Jamaica, Cameroon, Zimbabwe dan Malaysia.
- ³¹ Di sini salah satunya dicontohkan kes pada kajian luar; Malam Mengemping (21 September 1998) dari negeri Perak, pementasan di pentas Sentral Market. Terdapat beberapa kes yang menarik dan baik juga disenaraikan di sini. Hal yang menarik dalam persembahan ini didapati dua buah gendang Rebana Melayu telah ditambah pada belulang semacam lapik pengeras bagi mendapatkan bunyi yang rancak. Iaitu pada bahagian kulit gendang diberikan bulatan berwarna hitam sebagai pengeras yang menyamai dengan gendang-gendang Tabla-India. Sedangkan cara paluannya adalah sama seperti yang berlaku pada teknik memainkan gendang Melayu.
- ³² Tajuk Semerah Padi dan Cintaku; mungkin dua tarian yang turut dipertandingkan. ‘Semerah Padi’ barangkali untuk kategori asli dan ‘Cintaku’ untuk kategori kreatif.
- ³³ Kumpulan Negeri Kedah, untuk kes tahun 1999 tidak menyertai tarian kategori kreatif, hanya menyertai tarian kategori asli sahaja. Dalam perkara ini urusetia membenarkan.
- ³⁴ Sebahagian daripada data tajuk-tajuk tarian pada tahun 1992 ini, diperolehi dari keratan akhbar Berita Harian, 6 Jun 1992.
- ³⁵ Sumber data ini daripada maklumat dalam videografi tahun 1993.
- ³⁶ Data ini hanya diperolehi daripada laporan surat khabar Berita Harian (Pusparia). Dalam tajuk “Memelihara Warisan Seni”, Khamis, 28 Mei 1992.
- ³⁷ Sumber buku cenderamata FTK tahun 2000, yang tidak termasuk ke dalam perbincangan utama pada kajian ini.

³⁸ Penyertaan tahun 2001 adalah seramai empatbelas negeri, dan ditambah satu kumpulan Tarian Warisan Seni. Kemudian dua kumpulan sebagai persembahan selingan daripada kumpulan tari asli SRK Gelang Patah, Johor Bharu, dan kumpulan tari kreatif SMK *Klang Gate*, Selangor. (sila rujuk buku cenderamata FTK, tahun 2001)

³⁹ Penyelenggaraan FTK yang pertama di Luar dari Kota Kuala Lumpur.

⁴⁰ Pelantikan diuruskan oleh pengurus jawatankuasa FTK daripada KKKP Malaysia.

⁴¹ Berbanding dengan Peraduan Tarian Kebangsaan tahun 1976, semasa itu hadiah berupa wang tunai sejumlah \$ 1,000 dan ditambah sebuah Piala Pusingan. Rujuk buku cenderamata Pesta Perdana, 1976, hlm. 13.

⁴² Pada kajian luar, didapati bahawa satu kumpulan muzik Melayu yang agak moden telah dipersembahkan sempena Festival Budaya Komanwel '98 di Sentral Market, duapuluh satu Sepetember 1998. Antara alat muzik yang digunakan ialah; dua gendang rebana Melayu, suling/flute, akordion, biola, dan gitar elektrik. Kumpulan muzik ini turut juga disebutkan sebagai kumpulan muzik Asli atau kugiran, terutama di daerah Semenanjung bahagian Utara. Contoh ini ialah kumpulan Ghazal Parti, dan ia membawakan lagu-lagu Melayu Asli, dan juga mempersembahkan lagu-lagu Arab dalam berbahasa Arab.

⁴³ Bandingkan dengan hadiah pada FTK tahun 2001, seperti senarai di bawah ini:

No	Anugerah FTK 2001	RM
1)	Anugerah Kumpulan Terbaik	5,000.00
2)	Anugerah Persembahan Terbaik Rampaian Tradisional	3,000.00
3)	Anugerah Persembahan Terbaik Kreatif	3,000.00
4)	Anugerah Kumpulan Harapan	2,000.00
5)	Anugerah Koreografer Terbaik Rampaian Tradisional	1,500.00
6)	Anugerah Koreografer Terbaik Kreatif	1,500.00
7)	Anugerah Susunan Muzik Terbaik Rampaian Tradisional	1,500.00
8)	Anugerah Susunan Muzik Terbaik Kreatif	1,500.00
9)	Anugerah Kostum Terbaik Rampaian Tradisional	1,500.00
10)	Anugerah Kostum Terbaik Kreatif	1,500.00
11)	Anugerah Persembahan Tradisional Keterampilan	1,000.00
12)	Anugerah Penari Lelaki Terbaik	500.00
13)	Anugerah Penari Perempuan Terbaik	500.00
14)	Saguhati penyertaan setiap kumpulan	1,000.00

⁴⁴ Data ini hanya diperolehi daripada surat khabar Berita Harian, bertarikh duapuluh lapan Mei dan satu Jun 1992.

⁴⁵ Noor Azaman Samsudin seorang penulis berita surat khabar Berita Harian, 1 Jun 1992; Melaporkan hadiah; 5,000, 3,000 dan 2,000 untuk Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga. Sedangkan dalam Berita Harian terbitan 28 Mei 1992 dinyatakan hadiah; masing-masing 5,000, 4,000, 2,000 dan 1,000 untuk saguhati. Dalam hal ini terdapat sedikit perbezaan kategori hadiah bagi naib johan.

⁴⁶ Pengesahan terlebih dahulu dikehendaki untuk berbincang dengan Penjabat Setiausaha Kerajaan atau Penjabat Datuk Bandar untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

⁴⁷ Untuk mengenali kumpulan, persatuan kebudayaan dan badan-badan kesenian negeri yang menyertai selama FTK, sila rujuk semula Lampiran D.

⁴⁸ Peraturan yang disyorkan oleh KKKP Malaysia.

⁴⁹ Semasa juruacara membacakan tertib persembahan, misal "penonton tidak dibenarkan menggunakan lampu kilat untuk penggambaran, atau setiap talipon bimbit dan alat kelui hendaknya dipadamkan". Di samping itu satu arahan turut juga mengatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur duabelas tahun dilarang menonton. Meskipun tidak ada maklumat pada pintu masuk dan juga dalam buku cenderamata.

Pada tahun-tahun tertentu didapati kanak-kanak turut menyertai orang tuanya menyaksikan festival itu. Manakala terjadi sesuatu persembahan yang agak ganjil, maka si anak tadi ketakutan dan menangis.

⁵⁰ Hingga kajian ini dijalankan ejen yang menguruskan insurans kemalanang para penari tidak dapat dikesan.

⁵¹ Temubual dengan beberapa peserta FTK, di mana kes kemalangan dan yang seumpama ini belum pernah terjadi.

⁵² Rujuk; buku cenderamata FTK, tahun 1997 dan 1999.

⁵³ Syarat-syarat pertandingan FTK, terdapat dalam buku cenderamata tahun 1996 dan 1997 dan syarat ini untuk pertamakalinya didedahkan, berbanding dengan buku-buku cenderamata pada tahun-tahun sebelumnya.

⁵⁴ Data luaran untuk melengkapi kajian ini, dikesan pada tahun 1980. Iaitu dalam sebuah persembahan teater-tari yang tajuk ‘Uda dan Dara’ dan ia telah dipersembahkan oleh [Kumpulan] Grup Teater Elit. Pengarah dan koreografer ialah Ali Ishak, pereka kostum Latifah Syed Ahmad, pengarah muzik Zalikamari, pengarah teknik Ahmad Yatim, penerbit Disman, koreografer silat Aris Naslan, lirik Usman Awang, dan ciptaan muzik Basil Jayatilaka. Teater-Tari ini didasarkan kepada drama muzika Uda dan Dara karya Usman Awang, yang disesuaikan semula oleh Disman dan Ali Ishak pada tahun 1980 bagi keperluan hiburan orang ramai. Grup Teater Elit ini, mula pertamakali ditumbuhkan pada tahun 1976, sehingga aktiviti yang berterusan pada tahun 1978. Bagi persembahan setiap minggunya mendapat tempat di Hotel Century Kuala Lumpur dalam persembahan sastera hingga tahun 1980. Pada masa itu daripada bentuk aktiviti ini, maka bulan April 1980 muncul sebuah teater-tari yang pertama di Malaysia iaitu Teater Tari GTE ataupun dikenali dengan *GTE Dance Theatre* yang profesional buat pertama kali untuk seluruh Malaysia.

⁵⁵ Temubual dengan Ariff Ahmad (1999), memperkatakan “bahawa keberangkatan Yang Di Pertuan Agung sebagai raja Tanah Melayu pun turut menyaksikan persembahan tari yang diadakan di Kuala Lumpur pada masa itu”.

⁵⁶ Rujuk; buku cenderamata ‘Persembahan Perdana’ tahun 1975, dan ‘Pesta Perdana’ tahun 1976.

⁵⁷ *Ibid*;

⁵⁸ Rujuk; Laporan Peraduan Tarian 1975, KKBS tahun 1975: hlm. 10.

⁵⁹ Datuk Ali Bin Haji Ahmad, beliaupun dalam ‘perutusannya’ memperkatakan, “Adalah dibanggakan, pada tahun ini [1974] kumpulan dari Malaysia timur telah mencatat sejarah baharu yang mana kumpulan Tarian dari Sarawak telah berjaya menyandang gelaran Johan Tarian Kebangsaan [1974]....” Rujuk buku cenderamata Pertunjukan Perdana tahun 1974: hlm. 3. Seterusnya; pada tahun 1975 dinyatakan, “Pernyertaan dari semua kaum juga dititikberatkan agar hasrat Kerajaan menyatupadukan rakyat negara ini melalui kegiatan kebudayaan [tarian] akan dapat dilaksanakan”. Rujuk; buku cenderamata tahun 1975: hlm. 3. Kemudian, Abdul Samad Bin Idris (Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan) mempertegas dalam ucapan sambutan beliau di majlis Pertandingan Tarian Kebangsaan pada Pesta Perdana kali kedua di luar Kuala Lumpur, seperti “Pertumbuhan Kumpulan Tarian ...”. Ia tidak saja dianggotai oleh satu golongan, tetapi telah dapat mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat ... di mana sekumpulan penari-penari bukan Melayu mengadakan persembahan tarinya. Mereka bukanlah dari satu kumpulan, tetapi dipilih dari tiap-tiap negeri, dilatih dalam masa yang singkat. Akan anda dapat saksikan sejauh mana kemampuan mereka”. Rujuk buku cenderamata Pesta Perdana, (1976), hlm. 3.

⁶⁰ Semasa lawatan budaya pengkaji ke negeri Sarawak (Februari 2002). Menemuramah Tuan Hj. Mahmud Zamudin Bin Mat, dan Puan Haminah, dan rakan-rakan para ahli kumpulan tarian Sri Trina Sarawak. Temubual ini adalah bagi keinginan pengkaji untuk melihat dan membuat salinan gambar piala pusingan tersebut. Namun suatu hal cadangan ini terkendala kerana tiada dikesan bagi melihat piala yang bernama YAB Tun Abdul Razak tersebut. Mungkin hingga kini piala itu disimpan di antara ahli kumpulan Kartika Sari, Sarawak.

⁶¹ Piala pusingan ini juga tidak dapat dikesan sehingga kajian ini ditamatkan.

⁶² Mungkin di samping wang tunai barangkali sijil dan sertifikat penyetaan turut juga diberikan. Sebab selama FTK diselenggarakan di mana sijil dan penghargaan oleh pengajur hanya diberikan kepada setiap kumpulan yang mengambil bahagian dalam FTK selepas tahun 1992.

⁶³ Data tambahan ini menunjukkan bahawa panel hakim tahun 2000 ialah sebagai mengenali jemaah pengadil bagi perbandingan antara hakim lelaki dan perempuan. Iaitu panel hakim yang mengadili FTK tahun 2000 ahlinya ialah Siti Zainon Ismail, Suhaimi Magi, Norjayadi Jasan, Mew Chang Sing dan Ramli Iman. Data ini perlu disenaraikan dalam bahagian ini bagi mendapatkan tambahan iaitu merujuk atas analisis yang terdahulu pada bahagian tahun 1992 hingga 1999. Oleh itu ahli panel hakim perempuan, menambahkan dua orang lagi Jelasnya keseluruhan panel hakim perempuan ialah Maziah Omar (1998), Siti Zainon Ismail dan Mew Chang Sing (2000). Sedangkan Lee Lee Lan, pada tahun 1975 dan 1976.

⁶⁴ Bagi penyelenggaraan tahun 2001 diadakan di bandaraya Shah Alam, Selangor.

⁶⁵ Sumber data daripada buku cenderamata, tahun 1995 (bahagian gambar foto nostalgia), 1994.

⁶⁶ *Ibid*;

⁶⁷ *Ibid*;

⁶⁸ Pada pertandingan tarian tahun 1976, dikesan piala ‘pusingan’ bernama piala “YAB Tun Abdul Razak”. Piala tersebut dihadiahkan oleh Allahyarham YAB Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Pada waktu itu barangkali piala ini adalah menjadi lambang kemegahan dan disenangi dalam pertandingan tarian pada dekad 1970an di Malaysia, iaitu sebagai piala kebanggaan para seniman tari tanahair. Pada tahun 1976 itu, kejohanan dimiliki oleh kumpulan Kartika Sari dari Negeri Sarawak dengan tajuk tarian rampaian Hari Bahagia dan tarian tradisional Datun Julud dan kelompok mereka ini menggondol piala tersebut. Kumpulan ini pula turut juga memperolehi wang tunai \$1,000 [Ringgit Malaysia] pada masa itu. Berbanding dengan FTK tahun 1996, 1997, 1998 dan 1999 dengan hadiah wang tunai RM 5,000 ditambah dengan piala pusingan dan piala ‘iringan’ hadiah oleh Dato’ Sabbaruddin Chik. Sepertinya piala pusingan yang pertama “Tuanku Abdul Rahman” pada tahun-tahun 1970-an tidak lagi menjadi perhatian untuk diteruskan.

⁶⁹ Rujuk; buku cenderamata Persembahan Perdana, tahun 1974.

⁷⁰ Sehingga pada penyelenggaraan FTK (1992-2001) selama sepuluh tahun tidak lagi dikenali bahawa terdapat nama-nama pereka tarian terbaik secara perseorangan dihebahkan seperti berlaku pada tahun 1975. Hanya sahaja disebutkan kepada tarian dari negeri yang berhasil mencapai kemenangan dapat dikenali.

⁷¹ Data ini hanya diperoleh dari tiga buah buku cenderamata tahun 1974, 1975, 1976. Hingga kajian ini dijalankan data-data pada tahun sebelum dan sesudah tahun itu, belum diperolehi untuk melengkap data ini.

⁷² Data tahun 1993 dan 1995 teks ucapan terdapat di dalam buku, sedangkan data tahun 1994 terdapat pada kulit buku.

⁷³ Pada tahun ini bengkel tarian diadakan di Wisma Belia dan bengkel muzik di Matic.

⁷⁴ Bengkel dan demonstrasi tari dan semua peserta adalah diwajibkan mengikuti sesi bengkel dan demonstrasi tari yang diadakan di Mini Auditorium Matic, jalan Ampang. Sesi ini dikendalikan oleh seorang pegawai dari KKKP dan bertindak selaku pengurus, manakala ahli panel adalah terdiri dari ketua kumpulan atau koreografer dari setiap kumpulan. Setiap kumpulan hendaklah bersedia dengan sebuah tarian dari negeri masing-masing untuk dibengkelkan. Kumpulan tersebut hendaklah melantik dua orang jurulapor dari kalangan peserta kumpulan itu sendiri iaitu untuk membuat catatan tentang apa yang dibengkelkan dan format laporan adalah bebas.

⁷⁵ Daripada data videografi 1992 hingga 1999 menunjukkan bahawa Chuari Selamat dijemput sebagai juruacara selama FTK. Sedangkan pada tahun 1996 beliau berganding dengan Noraini Ibnu sebagai pasangan yang mantap selaku juruacara FTK diteruskan tahun 1998. Tetapi, dalam data tahun 1992,

juruacara untuk jolongkalinya pertandingan tarian ini ialah Chuari Selamat berpasangan dengan Tengku Mariam.

⁷⁶ Disalin semula daripada ucapan juruacara melalui data videografi simpanan KKKP, tahun 1996.

⁷⁷ *Ibid*;

⁷⁸ *Ibid*;

⁷⁹ *Ibid*;

⁸⁰ Disalin semula daripada ucapan juruacara melalui data videografi simpanan KKKP tahun 1994.

⁸¹ Semasa pengkaji melihat penyelenggaraan malam pertama FTK 2001 diadakan di Shah Alam, sepertinya juruacara Chuari Selamat dan Nuraini Ibnu tidak berperan lagi. Sebagai juruacara telah digantikan kepada pasangan orang lain yang lebih muda. Kepada pengkaji difahaman bahawa, kucuali Chuari Selamat yang dijemput khas bagi majlis malam penutupan FTK 2001 tersebut.

⁸² Istilah ini mengingatkan kepada perkara seperti berlaku selalunya di dalam kategori tayangan jenis filem-filem pada televisyen dan tanda petunjuk berpelekat pada pita-pita kaset filem video yang ada kod ini, boleh jadi ia diguna sebagai tanda peringatan yang dibenarkan untuk di tonton oleh orang ramai di seluruh Malaysia.

⁸³ ‘kuala Kangsa’ sebenarnya adalah Kuala Kangsar.

⁸⁴ ‘berminat besa’ sebenarnya adalah berminat besar.

⁸⁵ *Ibid*; data videografi simpanan KKKP, *passim*

⁸⁶ *Ibid*; data videografi simpanan KKKP, *passim*

⁸⁷ Mungkin dimaksudkan adalah daerah Kangar di Perlis.

⁸⁸ Kumpulan Perlis adalah yang mempersembahkan tarian bagi malam pertama.

⁸⁹ *Loc cit*;

⁹⁰ *Loc cit*;

⁹¹ *Loc cit*;

⁹² Ada dugaan kekuatiran bahawa sinopsis ditulis bersama oleh juru hebah dengan melalui tanya-jawab beliau dengan jurulatih, koreografer atau ahli-ahli dalam kumpulan itu. Di sini, tidak tampak bahawa yang menulis dan menyiapkan sinopsis itu adalah dari kumpulan masing-masing. Mungkin ini ada beberapa kes, dan ianya terbukti daripada gaya bahasa yang disusun di antara mereka ialah melalui Chuari Selamat dengan Noraini Ibnu.

⁹³ Sumber: surat khabar Berita Harian, 1 Jun 1992.

⁹⁴ *Ibid*; Berita Harian, 1 Jun 1992.

⁹⁵ Lapan tahun untuk kajian ini, ditambah dua tahun untuk FTK tahun 2000 dan 2001 sebagai pengamatan tambahan.

⁹⁶ Persembahan selingan daripada kumpulan muzik caklempong berasal dari kampung Baranang, Negeri Sembilan. Terdapat lagu-lagu yang dibawakan adalah lagu-lagu Minangkabau tahun 1960-an, Ditambahkan dengan lagu rakyat Negeri Sembilan dan beberapa lagu dangdut daripada albumnya Oma Irama. Sedangkan alat muzik yang mengiringi dan bercampur dengan kumpulan muzik caklempong ini adalah akordion, biola, bansi, dan dua gendang ronggeng/rebana.

⁹⁷ Selama program FTK; data menunjukkan adanya persembahan yang terdiri daripada gaya tari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

⁹⁸ Sila rujuk Mohd Anis Md Nor, dan Mohd Ghous Nasuruddin. Juga, Lim Poh Chiang (1989), hlm. 74, 126 dan 127.

⁹⁹ Rujuk semua gambar-gambar dalam buku cenderamata, kecuali tahun 1992 dan 1997 yang tidak diperolehi datanya.

¹⁰⁰ Teks telah dibetulkan.

¹⁰¹ Teks telah dibetulkan.

¹⁰² Lim Poh Chiang (1989) menulis keterangan pada dua gambar tarian dan sebuah gambar bermain muzik dalam seni persembahan suku Dayak seperti yang beliau tulis; (i) *Masks are frequently used in ceremonial dances as the Dayaks believe they possess the power to repel evil spirits.*, hlm: 74. (ii) *The main theme of the men's dancing is head-hunting. The dances follow an age-old pattern, but there is room for improvisation and the audience loves acrobatic stunts, such as when a dancer, gripping the sword in his teeth or between his toes, stands on his head.*, hlm: 126. Dan (iii) *The beating of drum and gongs is a favorite way of welcoming guests to the longhouse festivities. This old man, wearing a headdress of hornbill feathers and beating out a vigorous tattoo on his drum, is happy to see his guests.*, hlm: 127. Rujuk; Lim Poh Chiang., *Among The Dayaks*. (Singapore: Graham Brash), 1989.

¹⁰³ Rujuk; Daniel Nagrin., "Nine Points in making your own Dance Video", *Dance Theatre Journal*, Vol. 6, No. 1, Summer 1988. Dalam, Valerie *op cit*; bahagian *Poetic video*: hlm. 501.

¹⁰⁴ Ghulam Sarwar Yousof., Dalam, Sirih Pinang: Kumpulan Esei Budaya. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), hlm. 32.

¹⁰⁵ Rujuk; Valerie, Bahagian *Video Spece*: 32, 86, 497.

¹⁰⁶ Rujuk; Daisaku Ikeda., Kemanusian Baru: Koleksi Ucapan Universiti. (Kuala Lumpur: Terjemahan, Fajar Bakti Sdn Bhd, 1999), hlm. 8.

¹⁰⁷ *Ibid*;

¹⁰⁸ Sila rujuk; Mohd Aris Hj Othman., *The Dynamics of Malay Identity*. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 1983.

¹⁰⁹ Rujuk kertaskerja hasil Festival Art-Sammit *The Chalenge of Multiculturalism: Frontiers for Composers and Choreographers* dan *International Discourse on Performing Arts*, 1995 dan 1998.

¹¹⁰ Krishen Jit., Membesar Bersama Teater. Kuala Lumpur: Terjemahan, Nor Azmah Shehidah, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hlm. 56.

¹¹¹ Elizabeth R. Hayes., *Dance Composition and Production: For High Schools and Colleger*. (New York: The Ronald Press Company), 1955.